


Perpustakaan Negara Malaysia
National Library Of Malaysia

Laporan
Tahunan **2001**
Annual Report



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN
2001



KUALA LUMPUR
2002

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia.-1985-.

-Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 1985-,
Tahunan


ISSN 0128-3170

1. National libraries-Malaysia. 2. Corporation reports. I. Judul.
027,5595

© Perpustakaan Negara Malaysia

kandungan

Falsafah Korporat	4	
Tujuan	5	
Carta Organisasi	6	
Carta Organisasi Mengikut Fungsi	6	
Lembaga Penasihat	7	
Jawatankuasa Penasihat	8	
Pasukan Pengurusan	12	
Pencapaian Tahun 2001	13	
Peristiwa Penting Tahun 2001	17	
Sumber Perpustakaan	19	
	22	Perkhidmatan Maklumat
		<i>Maklumat Malaysiana</i>
		<i>Maklumat Dunia</i>
		<i>Manuskrip Melayu</i>
		<i>Gerakan Membaca</i>
	27	Pendokumentasian dan Pangkalan Data
	28	Teknologi Maklumat
	30	Pemuliharaan dan Reprografi
	31	Pembangunan dan Penyelidikan Perpustakaan
		<i>Prasarana Perpustakaan</i>
		<i>Khidmat Nasihat / Perundingan</i>
		<i>Penyelidikan Perpustakaan</i>
	36	Perkhidmatan Sokongan
		<i>Pentadbiran dan Kewangan</i>
		<i>Pembangunan Sumber Manusia</i>
		<i>Promosi</i>
	46	Kerjasama Perpustakaan
		<i>Peringkat Kebangsaan</i>
		<i>Peringkat Serantau dan Antarabangsa</i>
	50	Penerbitan
	51	Penulisan
		<i>Kertas Kerja/Artikel/Ulasan Buku</i>
	53	Kebajikan dan Sukan



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

FALSAFAH

Membina insan berbudaya maju yang cintakan ilmu Pengetahuan melalui Pembacaan sepanjang hayat demi memupuk kecemerlangan minda bangsa Malaysia supaya terhasil penciptaan baru yang dapat terus mengayakan tradisi ilmu di negara ini.

WAWASAN

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Perpustakaan bertaraf dunia dalam memberi perkhidmatan maklumat yang cemerlang bagi merealisasikan Wawasan 2020 ke arah negara perindustrian yang maju.

MISI

Memastikan semua rakyat Malaysia dapat menikmati kemudahan perkhidmatan Perpustakaan secara saksama serta berupaya mencapai dan menggunakan ilmu warisan intelek Malaysia dan sejagat melalui Prasarana Perpustakaan elektronik yang bersepadu di seluruh negara.

Penubuhan

Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara (Akta 80)* 1972. Akta ini telah dipinda pada tahun 1987 selaras dengan perkembangan perkhidmatan Perpustakaan dan maklumat di Malaysia.

Tujuan

Maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sepertimana yang diperuntukkan dalam Bahagian II, Seksyen 3 *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan)* 1987 adalah Seperti yang berikut:

- a) menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber Perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- b) memudahkan penggunaan di seluruh negara Sumber Perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara, dan;
- c) mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan Perpustakaan.


Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986

Perpustakaan Negara Malaysia juga merupakan agensi pelaksana *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* (menggantikan *Akta Pemeliharaan Buku 1966*). Akta ini menyenaraikan maksud dan tujuan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Penyerahan Negara seperti yang berikut:


- a) untuk menyediakan bagi Pemeliharaan dan penggunaan bahan Perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia;
- b) untuk mewujudkan rekod bibliografi yang standard bagi bahan Perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan;
- c) untuk menyelenggarakan rekod statistik bahan Perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia.



CARTA ORGANISASI 2001



CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2001 MENGIKUT FUNGSI



AHLI LEMBAGA PENASIHAT




Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan mengikut peruntukan *Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 [Akta 80]*, Bahagian III, Seksyen 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberi nasihat kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berhubung dengan kemajuan dan Pembangunan Perpustakaan di Perpustakaan Negara Malaysia dan di seluruh negara.

Ahli Lembaga Penasihat dilantik oleh YB. Menteri Pendidikan Malaysia seperti senarai berikut:

1. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan bin Haji Baba (*Pengerusi*)
2. Y.B. Prof. Dato' Dr. Hj. Othman bin Haji Ishak
3. Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Awang Had bin Salleh
4. Y.Bhg. Dato' Lee Lam Thye
5. Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Nik Safiah Haji Abdul Karim
6. Y.B. Tuan Haji Zakaria bin Nordin
7. Y.Bhg. Puan Azah Aziz

Ex-Officio

8. Y.Bhg. Cik Shahar Banun Jaafar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
(1 Januari 2001 - 8 Julai 2001)
9. Y.Bhg. Puan Zawiyah Baba
Timbalan Ketua Pengarah
Menjalankan tugas Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
(9 Julai 2001 - 30 November 2001)



- Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Johari bin Mat
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
(1 Januari 2001 - 30 September 2001)
- Y.Bhg. Dato' Haji Ambrin bin Buang
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
{1 Oktober 2001 -}

Mesyuarat Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 1/2001 telah diadakan pada 10 April 2001 di Perpustakaan Negara Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan termasuk:

- Garis Panduan Perpustakaan Khusus
- Skim Pengelasan Terbitan Kerajaan Malaysia
- Sistem PERDANA
- Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia

Mesyuarat Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 2/2001 telah diadakan pada 13 September 2001 di Perpustakaan Negara Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan termasuk:

- Penubuhan Cawangan PNM Wilayah Timur
- Masalah Langgan/Perolehan Sumber Elektronik
- Langkah-langkah bagi menggalakkan golongan belia membaca

JAWATANKUASA PENASIHAT

■ Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan

Perpustakaan Negara Malaysia bertindak sebagai Urus setia Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan. Bahagian Gerakan Membaca, Perpustakaan Negara Malaysia diberi tanggungjawab untuk melaksanakan peranan tersebut.

Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia dan ahlinya terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri dan beberapa agensi kerajaan dan swasta.

Mesyuarat Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan tidak dapat diadakan pada tahun lepas. Walau bagaimanapun, Kempen Galakan Membaca telah diadakan di peringkat kebangsaan dan negeri.

Bulan Membaca Kebangsaan 2001 dilancarkan oleh Y.Bhg. Dato' Seri Dr, Siti Hasniah Mohd. Ali di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra pada 16 Julai 2001. Turut hadir ialah Y.Bhg. Dato' Mahadzir Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia yang mewakili Y.B Menteri Pendidikan Malaysia dan Puan Zawiyah bt Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.B Menteri Pendidikan Malaysia

Ahli Jawatankuasa

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia

Y.Bhg. Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Malays a/
Pengerusi MBKM

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Semblan

Y.B Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Pahang

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Perak

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Perlis

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Pulau Pinang

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Sabah

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Terengganu

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Wilayah
Persekutuan

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Johor

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Kedah

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Kelantan

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri
Melaka

Setiausaha Tetap Kementerian Alam Sekitar Sarawak

Kerja Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Ketua Pengarah Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS),
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia

Presiden Persatuan Pembacaan Malaysia

Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia

Presiden Persatuan Penjual Buku Malaysia

Presiden Persatuan Pengimport Buku Malaysia

Setiausaha Majlis Buku Kebangsaan Malaysia

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu (M) Sdn Bhd

Pengarah Urusan The New Straits Times Press (M) Sdn Bhd.

Pengerusi Sistem Televisyen Malaysia Berhad

Urus setia

Setiausaha Jawatankuasa Gerakan Membaca Kebangsaan,
Perpustakaan Negara Malaysia

• **Jawatankuasa Penyelidikan Kebangsaan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat**

Sepanjang tahun 2001, Jawatankuasa Penyelidikan Kebangsaan dan Perkhidmatan Maklumat tidak dapat mengadakan mesyuarat. Walau bagaimanapun, beberapa cadangan projek penyelidikan telah dikemukakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RM8) bagi tahun 2001 seperti yang berikut:

- Kajian Penilaian Keperluan Maklumat Komuniti Wilayah Persekutuan
- Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Perpustakaan Awam di Malaysia dan Penggunaan IT di kalangan Pengguna Awam
- Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Perpustakaan Jabatan Kerajaan (Perpustakaan Khusus)
- Kajian Keperluan Sumber Manusia dalam bidang Perpustakaan dan Sains Maklumat

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Cik Shahar Banun Jaafar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
(sehingga 8 Julai 2002)

Naib Pengerusi

Puan Zawiyah Baba
Pemangku Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
(mulai 9 Julai 2001)

Ahli Jawatankuasa

Y.Bhg. Dato¹ Dr. Zaiton Osman
Ketua Pustakawan
Universiti Malaya

Prof. Dr. Halimah Badiozaman
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.M. Prof Madya Dato¹ Paduka Dr. Raja Abdullah bin Raja Yaacob
Dekan, Fakulti Pengajian Maklumat
Universiti Teknologi MARA

Prof. Madya Dr. Ahmad Bakari bin Abu Bakar
Ketua Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat
Universiti Islam Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Diljit Singh
Timbalan Dekan (Pembangunan)
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya

Y.Bhg. Datin Mardhiah Mohd. Zain
Ketua Pustakawan, Pusat Maklumat Sawit
Lembaga Minyak Kelapa Sawit Malaysia

Y.Bhg. Datin Paduka Shahaneem Hanoum
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Dr. Haji Abdul Rahman Hassan
Ketua Bahagian
Bahagian Pembangunan Perangkaan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Dr. Amir Salleh
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Cik Suscelah Fonseka
Penolong Pengarah
Sektor Pembangunan dan Penggunaan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Setiausaha
Puan Siti Aishah Sheikh Kadir
Ketua Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia
(sehingga Mac, 2001)

Tuan Haji Rosham Abdul Shukor
Ketua Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia
(mulai April 2001)



■ Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu

Sepanjang tahun 2001, Jawatankuasa Penasihat Manuskrip Melayu telah bermesyuarat sekali, iaitu pada 31 Mac 2001. Mesyuarat dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Omar bin Mohd. Hashim. Mesyuarat telah membincangkan berbagai-bagai perkara berkaitan dengan aktiviti Pusat Manuskrip Melayu seperti yang berikut:

- Pengesanan manuskrip Melayu di Terengganu dan Pahang
- Pemuliharaan manuskrip Melayu
- Pameran Kitab Lama dan Manuskrip Melayu

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Hj. Omar bin Mohd. Hashim

Timbalan Pengerusi

Y.Bhg. Dato' Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh

Ahli Jawatankuasa

Y.Bhg. Datuk Prof. Emeritus Dr. Mohd. Taib bin Osman

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Hassan bin Mohd. Sham
Universti Malaya

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Siti Hawa Salleh
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Bukhari Lubis
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Othman Yatim
Universiti Malaya

Y.Bhg. Datuk Paduka Haji A.Aziz Deraman
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

Puan Ruhani Mamat

Setiausaha Bahagian Kebudayaan
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Puan Zawiyah Baba

Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat

Pengarah Pusat Penyerahan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Setiausaha

Y.Bhg. Datin Siti Mariani S.M.Omar
Pengarah Pusat Manuskrip Melayu

■ Jawatankuasa Penasihat Khidmat Sumber Media

Dalam tahun 2001, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 3 kali, iaitu pada 20 Februari 2001, 26 Jun 2001 dan 30 Oktober 2001. Mesyuarat membincangkan perkara berikut :

20 Februari 2001

- Koleksi Sumber Media Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Projek Pendigitan Bahan Sumber Media.

26 Jun 2001

- Bahan Sumber Media Muzium Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia.
- Koleksi sejarah lisan, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

30 Oktober 2001

- Laporan Kemajuan Projek Tahun 2000 dan 2001.
- Rancangan Lima tahun dan Sepuluh tahun bagi melengkapkan koleksi dan Sumber Media Perpustakaan Negara Malaysia

Senarai Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Y.Bhg.Prof Datuk Zainal Abidin bin Abdul Wahid

Ahli Jawatankuasa

Prof. Madya Dr. Abdul Rahim bin Mohd Saad
Universiti Utara Malaysia

Puan Zawiyah binti Baba

Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
(Sehingga 30 November 2001)

Encik Mustapha Azahari bin Maarof

Setiausaha
Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia

Y.M. Raja Khairul Azman bin Raja Abdul Karim

Penolong Pengarah Selidik
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)

Encik Manisegaran a/l Amasi

Penolong Pengarah Bahagian Hak Cipta
Bahagian Harta Intelekt
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna

Puan Anisah binti Yusof

Ketua Unit Perpustakaan
Filem Negara Malaysia

Puan Syerifah Norihan bt Syed Salleh

Pengawal Unit Dokumentasi
Radio Televisyen Malaysia

Encik Pancha Charam Nalliah (Pansha)

Bendahari
Persatuan Pengeluar-Pengeluar Filem Malaysia

Puan Fatimah binti Jusuh

Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

Encik Abdul Rahman bin Sudin


Pengarah
Bahagian Sumber Media
Perpustakaan Negara Malaysia

Encik Roslee bin Selamat

Penolong Pegawai Perpustakaan
Bahagian Sumber Media
Perpustakaan Negara Malaysia

PASUKAN PENGURUSAN

- | | | |
|---|---|--|
| <p>1. Ketua Pengarah
 <i>Cik Shahar Banun Jaafar</i>
 (sehingga 8 Julai 2001)
 Puan Zawiyah Baba
 (memangku mulai 1 Disember 2001)</p> | <p>6. Pengarah Bahagian Latihan
 <i>Encik Raslin Abu Bakar</i></p> | <p>11. Pengarah Bahagian Sumber Media
 <i>Encik Abdul Rahman Sudin</i></p> |
| <p>2. Timbalan Ketua Pengarah
 Puan Zawiyah Baba
 (menjalankan tugas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia mulai 9 Julai 2001 hingga 30 November 2001)</p> | <p>7. Pengarah Bahagian Teknologi Perpustakaan dan Maklumat
 <i>Puan Saonah Shairi</i></p> | <p>12. Pengarah Bahagian Gerakan Membaca
 <i>Puan Siti Aishah Sheikh Abdul Kadir</i></p> |
| <p>Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
 <i>Encik So'ot Mohamed Yassin</i></p> | <p>8. Pengarah Bahagian Rujukan Umum
 <i>Puan Shahrozat Ibrahim</i>
 (cuti belajar mulai 1 Disember 1999)
 <i>Puan Salimah Abdul Rahman</i>
 (menanggung kerja mulai 15 Februari 2000 - 30 September 2001)</p> | <p>13. Pengarah Bahagian Pembangunan
 <i>Cik Salbiah Mohammad Yusof</i></p> |
| <p>3. Pengarah Perkhidmatan Sokongan
 <i>Puan Norpishah Mohd. Noor</i></p> | <p>9. Pengarah Bahagian Khidmat Teknik
 <i>Cik Nafisah Ahmad</i></p> | <p>14. Ketua Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
 <i>Haji Rosham Haji Abdul Shukor</i></p> |
| <p>4. Pengarah Pusat Penyerahan Negara
 <i>Dr. Hj. Wan Ail bin Wan Mamat</i></p> | <p>10. Pengarah Pusat Manuskrip Melayu
 <i>Datin Siti Mariani S.M. Omar</i></p> | <p>15. Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi
 <i>Puan Jamilah Mohd. Sir</i></p> |
| <p>5. Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana
 <i>Puan Siti Zakiah Aman</i></p> | | <p>16. Ketua Bahagian Hal Ehwal Korporat
 <i>Puan Rihanun Md. Samin</i></p> |



PENCAPAIAN TAHUN 2001

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab untuk koleksi kebangsaan daripada pelbagai jenis Sumber maklumat, menggalak dan menyediakan kemudahan untuk kegunaan Sumber tersebut serta memberi kepimpinan dalam hal ehwal Perpustakaan di Malaysia. Bagi menyokong aspirasi negara untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, PNM sebagai wahana ilmu dan pemikiran, memainkan peranan untuk membentuk bangsa Malaysia yang berilmu dan bermaklumat.

Persaraan Ketua Jabatan

Y.Bhg. Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah PNM telah bersara dari perknidma:an awam pada 8 Julai 2001. Puan Zawiyah Baba telah menjalankan tugas Ketua Pengarah mulai 9 Julai 2001 dan dilantik ke jawatan Ketua Pengarah mulai 1 Disember 2001.

Sumber Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia meneruskan usaha untuk mengukuhkan koleksinya melalui program Penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan*

1986, pembelian, hadiah dan pertukaran. Sebanyak 71,668 unit bahan koleksi telah berjaya diperoleh pada tahun ini dalam pelbagai bidang dan bentuk. Jumlah kumulatif koleksi PNM sehingga akhir tahun 2001 adalah sebanyak 1,650,537 unit.

Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat

Usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan rujukan diteruskan bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan rujukan oleh pengguna Perpustakaan. Sebanyak 72,353 pertanyaan rujukan daripada pembaca berjaya dijawab sementara 538,037 unit bahan Perpustakaan dirujuk oleh pembaca. Sejumlah 296,904 naskhah bahan Perpustakaan telah dipinjam melalui pinjaman pusat, pinjaman berkelompok, pinjaman pos dan pinjaman antara Perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Penerbitan. Sepanjang tahun 2001, seramai 439,836 orang mengunjungi PNM dan seramai 63,928 mendaftar sebagai ahli baru. Perpustakaan menjadikan jumlah ahli kumulatif seramai 487,100 orang.

Dalam usaha untuk mengayakan kandungan tempatan dalam bentuk multimedia digital, satu portal *E-Warisan* telah dibangunkan. Portal ini dilancarkan oleh YB Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia pada 8 Ogos 2001 sempena pelancaran Bulan Membaca Kebangsaan. *Direktori Laman Web Jabatan dan Agensi Kerajaan di Malaysia* juga telah diterbitkan bagi memudahkan pengguna Perpustakaan melayari laman web Jabatan dan Agensi Kerajaan.


Sebagai langkah untuk memasyarakatkan manuskrip Melayu di kalangan orang awam sebanyak 4 pameran telah diadakan, iaitu *Gaya Penulisan, Kepengarangan Manuskrip pada Abad ke-17 di Aceh, Hikayat Berunsur Hindu-Islam dan Warkah Tulus Ikhlas : Yang Tersurat dan Tersirat. Hikayat Hang Tuah* koleksi Pusat Manuskrip Melayu telah diterima untuk disenaraikan dalam 'Memory of The World Register', UNESCO. 2 naskhah manuskrip Melayu telah dipamerkan di *Treasures from the World's Great Libraries* anjuran Perpustakaan Negara Australia dari 6 Disember 2001 hingga 24 Februari 2002 di Canberra, Australia.



Persembahan oleh para pegawai dan staf Perpustakaan Negara Malaysia sempena Majlis Persaraan Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Pengarah Pusat Penyerahan Negara, Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat sedang bersalaman dengan Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia pada majlis persaraan beliau.



Teknologi Maklumat

Pada tahun 2001, PNM menjadi penyelarar projek pendigitalan Perpustakaan di bawah pembiayaan DAGS-NITC. Daripada 8 projek yang dimajukan, 2 projek telah diluluskan sementara 2 projek lagi masih dalam pertimbangan. Projek PNM ialah *Portal Raja Kita* dan dijangka dapat disiapkan pada tahun 2002.

Selaras dengan usaha ke arah mesra pelanggan, PNM telah memperkenalkan Perkhidmatan Pendaftaran Dalam Talian pada Julai 2001 bersempena dengan pelancaran Bulan Membaca 2001. Pengguna tidak perlu lagi datang ke Perpustakaan Negara untuk mendaftar, sebaliknya pengguna hanya perlu mendaftar melalui Laman Web PNM, iaitu www.pnm.my. Pengguna akan dihubungi melalui e-mel untuk mengambil kad ahli di kaunter pendaftaran dalam tempoh seminggu. Seramai 385 orang pengguna telah menggunakan perkhidmatan ini.

Projek Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) telah diteruskan dengan melanggan kepada beberapa Pangkalan data komersial secara konsorium bagi membolehkan Perpustakaan kecil atau yang mendapat peruntukan kecil menggunakan perkhidmatan ini. Sebanyak 48 Perpustakaan menyertai projek ini dan telah dapat mengakses Pangkalan data ini. Pada tahun ini juga sebanyak 27 buah institusi diberi perisian CDS/ISIS (versi WINISIS) bagi memulakan projek pengkomputeran di institusi tersebut.

Gerakan Membaca

Mulai tahun 2001, sambutan Bulan Membaca Kebangsaan ditukar dari bulan Ogos ke bulan Julai bagi mengelakkan pertindihan dengan program sambutan



Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menyampaikan cek kepada Encik Mohd. Taib Mohd, Pengarah Perkhidmatan Perpustakaan Awam Negeri Perak

kemerdekaan supaya ia dapat memberikan impak yang lebih besar kepada masyarakat. Majlis Prapelancaran Bulan Julai Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan diadakan pada 12 Mei 2001 sebagai hebahan kepada masyarakat tentang perubahan sambutan ini serta menggalakkan masyarakat membaca dan menguasai ilmu. Majlis dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Johari bin Mat, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia yang mewakili Y.B. Menteri Pendidikan,



Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia melawat E-Pustaka.



Y.A. Bhg. Dato' Seri Dr. Siti Hasmah Haji Mohd. Ali merasmikan Majlis Pelancaran Bulan Membaca Kebangsaan 2001 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur

Pelancaran Bulan Membaca Kebangsaan 2001 diadakan secara besar-besaran di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra dan dilancarkan oleh Y.A.Bhg, Dato' Seri Dr. Siti Hasmah bte Haji Mohd. Ali pada 16 Julai 2001.

Bersempena dengan majlis pelancaran tersebut, pelancaran laman web *E-Warisan* dan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Perpustakaan Keluarga turut diadakan.

Satu pameran khas memaparkan model Perpustakaan Keluarga mengikut kategori desa/kampung/taman perumahan. Sudut terbitan PNM dalam bentuk CD, Laman web *E-Warisan*, Kaunter Pendaftaran Keahlian PNM dan Hipermedia Kanak-kanak juga diadakan. Slogan Pembacaan 2001 *Membaca Merdekakan Minda* telah dihebahkan dengan lebih luas melalui gerakan promosi secara besar-besaran.

Di bawah program Gerakan Membaca Kebangsaan juga sebanyak RM20,000.00 diagihkan bagi membeli bahan bacaan untuk disumbangkan kepada Pusat Serenti Raub, Pahang dan Pusat Serenti Karang, Kedah.

Di samping itu juga, sebanyak RM 140,000.00 diperuntukkan kepada 14 buah negeri bagi menjayakan Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Negeri. PNM juga telah bekerjasama dengan Akademi Seni Kebangsaan untuk menjayakan Bengkel Pembacaan Melalui Wayang Kulit. Selain itu, seramai 25 orang anak orang Asli dari Sekolah Kebangsaan Sungai Dua Bentong, Pahang telah diberi peluang untuk menyertai Kern Komputer 2001 dengan pembiayaan Syarikat ExxonMobil di Malaysia.

Program Kualiti

Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang Tahun 2000 diadakan pada 14 Jun 2001 di Auditorium PNM. Seramai empat belas (14) orang pegawai dan staf telah dipilih menerima anugerah tersebut daripada Ketua Pengarah PNM.

Minggu kualiti Perpustakaan Negara Malaysia diadakan pada 9 November 2001 dan dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Ambrin Bin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sempena dengan Minggu Kualiti yang berlangsung dari 9 - 16 November 2001, slogan bertajuk *Khidmat Berkualiti Kejayaan Pasti* telah di pilih sebagai tema. Antara aktiviti yang diadakan semasa Minggu Kualiti termasuklah Pameran, Anugerah Inovasi, Bicara Video dan Persembahan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) daripada Insititut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Forum bertajuk *Wacana Kumpulan Sasaran* turut diadakan dan pengguna Perpustakaan memberi pendapat mereka tentang kualiti perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan Negara Malaysia. Maklum balas daripada program ini digunakan sebagai input untuk membantu Jabatan meningkatkan kualiti perkhidmatan.

Pada 12 Julai 2001, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Australia, Ms. Jan Fullerton mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia. Sempena lawatan ini beliau telah menyampaikan ceramah bertajuk *The issues and Challenges of Service Delivery in the Digital Age* di Bilik Serbaguna, Aras 1. PNM. Seramai 85 orang peserta yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional PNM, Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, Perpustakaan Akademik, Perpustakaan Awam Negeri dan pihak swasta menghadiri majlis tersebut.



Ms. Jan Fullerton, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Australia sedang memberi ceramah.

Pembangunan Sumber Manusia

Kumpulan Pengurusan PNM telah mengadakan mesyuarat dengan wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan Kementerian Pendidikan bagi membincangkan permohonan cadangan Penstrukturan Semula PNM. Mesyuarat 3 hari ini diadakan di Hotel Alison Klana Seremban pada 4 hingga 6 Oktober 2001.

Pada tahun 2001, program Pembangunan manusia digiatkan lagi ke arah pembinaan kemahirir dan kecekapan semua warga PNM serta staf di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Sebanyak 28 kursus/bengkel telah dikendalikan oleh Jabatan termasuk dengan kerjasama institusi luar dan swasta. Seramai 661 orang menyertai kursus, bengkel, Persidangan dan ceramah yang dianjurkan oleh institusi kerajaan dan swasta. Seramai 31 orang pegawai juga berpeluang mengikuti kursus dan Persidangan di luar negara.

Pembangunan Perpustakaan

Pada tahun 2001, sejumlah RM16.333 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM17.238 juta bagi membangunkan 2 buah Perpustakaan negeri, 14 buah Perpustakaan cawangan, sebuah Perpustakaan pekan dan 5 unit Perpustakaan bergerak multimedia termasuk koleksinya. Sejumlah 28 institusi kerajaan dan swasta telah diberi khidmat nasihat dan Perundingan daripada Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2001.

Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Kolej Matrikulasi telah diadakan di Tawau, Sabah. Mesyuarat dihadiri oleh 25 orang Pengarah dan Pegawai Kanan Kolej Matrikulasi pada 1 November 2001. PNM membentangkan kertas kerja bertajuk *Menangani Cabaran Alaf Baru Pengurusan Perpustakaan Kolej-Kolej Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia*. Sebanyak 3 perjumpaan staf Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan mengikut Zon telah diadakan, iaitu Zon Utara di INTAN, Kampus Wilayah Utara, Sungai Petani Kedah pada 3-4 September 2001, Zon Selatan di INTAN, Kampus Wilayah Selatan, Kluang Johor pada 1-2 Oktober 2001 dan Zon Timur di INTAN, Kampus Wilayah Timur, Kemaman, Terengganu pada 15-16 Oktober 2001. *Garis Panduan Perpustakaan Khusus* telah diterbitkan dan diedarkan kepada semua Perpustakaan khusus di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan.

Penerbitan

Beberapa terbitan telah berjaya diterbitkan sepanjang tahun 2000. iaitu:

- Artikel Majalah/Surat khabar Luar Negara mengenai Malaysia Bil. 1 -6
- Bibliografi MS ISO 9000
- Bibliografi Penulisan Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi
- Garis Panduan Perpustakaan Khusus
- Jurnal Filologi Melayu: Jilid 9
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Pertama 2001
- MS ISO 9002 Jaminan Kualiti: Pengalaman Perpustakaan di Malaysia

- Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia: *Annual Report 2000*
- Perkhidmatan Halaman Kandungan Majalah Terkini. Bil. 1 - 5
- Pustaka Buletin Perpustakaan Negara Malaysia Bil. 1/2001 dan Bil. 2/2001
- Sari Pustaka Bil. 1/2001 dan Bil. 2/2001
- Sekitar Perpustakaan. Bil.32
- Shahar Banun Jaafar: Suatu Bibliografi dan Koleksi Karya Terpilih
- Warkah Manuskrip Melayu Bil. 1/2001 dan Bil. 2/2001

Penerbitan Dalam Talian

- Biologiografi YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Dalam Talian

Hubungan Kerjasama

Bengkel bertajuk *Workshop On Metadata* telah diadakan pada 15 dan 16 Oktober 2001 untuk pengkatalog oari institusi ahli Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK). Bengkel ini dikendalikan oleh Prof. Dr. Shalini R. Urs dari Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat, Universiti Mysore, India.

PNM dengan kerjasama Pejabat Serantau UNESCO bagi Asia dan Oceania telah menganjurkan Bengkel *Sub-Regional Workshop On Defining A Promotion And/ Or Marketing Campaign for UNESCO Network of Associated Libraries (UNAL) in Asia Incorporating The Changes and Challenges Posed By Information And Communication Technologies (ICT)* di Melaka dari 17 hingga 19 Oktober 2001. Seramai 21 peserta dan 12



Profesor Puan Shalini R. Urs sedang membentangkan kertas kerja di UNESCO Network of Associated Libraries (UNAL) Sub-Regional Workshop.

pemerhati dari negara Asia Tenggara menghadiri bengkel tersebut.

Perpustakaan Negara Malaysia telah menyertai Kajian Penandaarasan yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Australia mulai September 2001. Kajian melalui soal selidik ini disertai oleh 21 buah Perpustakaan termasuk Perpustakaan British. Perpustakaan Negara Scotland, Lembaga Perpustakaan Negara Singapura dan Perpustakaan Negara New Zealand.

Sempena dengan program penandaarasan Perpustakaan Negara Malaysia, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Pengarah Perpustakaan Negara telah membuat lawatan ke Perpustakaan Negara Australia untuk mengkaji beberapa aspek tertentu. Pengarah Pusat Manuskrip Melayu dan Ketua Bahagian Pemuliharaan & Reorografi telah membuat lawatan pada 12 hingga 16 November 2001, Ketua Pengarah dan Puan Chin Loy Jyoon pula menyusuli dengan lawatan pada 2 hingga 7 Disember 2001 sempena dengan Perasmian pameran *Treasures from the World's Great Library* pada 6 Disember 2001.



Majlis Pelancaran Pameran *Treasures From the World's Great Libraries* di Perpustakaan Negara Australia.



Puan Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia sedang memerhati koleksi nadir di Perpustakaan New South Wales.

Peristiwa Tahun Penting 2001

27 Januari 2001



Cik Shahr Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama Y.Bhg. Dato' Haji Omar Hashim dan Encik Abdul Rahman Al-Mahdi, pengarang Buku Petua Membina Rumah Melayu: Dari Sudut Etnis Antropologi semasa Majlis Pelancaran Buku tersebut.

12 Mei 2001



Y.A.M Raja Datuk Seri Azureen Sultan Azlan Shah, Y.Bhg. Cik Shahr Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Johari Mai, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd. Rashdan Haji Baba, Pengerusi Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia dan Puan Zawiyah Baba, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dalam Majlis Prapelancaran Bulan Membaca Peringkat Kebangsaan 2001

14 Mei 2001



Cik Shahr Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Puan Zawiyah Baba, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bergambar kenangan bersama peserta rombongan dari Lembaga Perpustakaan Negara Singapura

9 Julai 2001



Cik Shahr Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama pengurusan atasan dan staf Perpustakaan Negara Malaysia sedang menyaksikan Persembahan semasa majlis persaraan beliau

12 Julai 2001



Puan Zawiyah Baba, Pemangku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menyampaikan cenderamata kepada Ms. Jan Fullerton, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Australia sempena lawatan beliau ke Perpustakaan Negara Malaysia

16 Julai 2001



Y.A. Bhg. Dato' Dr. Seri Siti Hasmah Haji Mohd. Ali, Y.B. Dato' Mahadzir Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia dan Puan Zawiyah Baba. Pemangku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama para pelajar di dalam ruang Pameran Mode! Perpustakaan Keluarga Kategori Desa sempena Majlis Pelancaran Bulan Membaca Kebangsaan 2001 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur

Peristiwa Tahun Penting 2001

11 Ogos 2001



Puan Hajjah Rohani Jamil, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Datuk Habibah Zon, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Dato' Dr. Kamarul Bahrin Buyong, Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti, Puan Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Dr. Haji Adi Taha, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti bersama wakil pasukan sedang melafazkan ikrar semasa Majlis Perasmian Sukan Tiga Penjurua Antara Jabatan

28 Ogos 2001



Puan Zawiyah Baba, Pemangku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menerima kunjungan daripada peserta rombongan Persatuan Bekas Pelajar Universiti Wales Aberystwht

30 Ogos 2001



Y.B. Dato' Mahadzir Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Malaysia bersama Puan Zawiyah Baba, Pemangku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, staf Perpustakaan Negara Malaysia dan para jemputan sedang menyanyikan lagu "Keranamu Malaysia" sempena Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Merdeka 2001

18 Oktober 2001



Y.B. Senator Datuk Zainuddin Maidin, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Malaysia menerima buku Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia daripada Encik Nik Anuar Nik Mahmud, pengarang buku tersebut sambil diperhatikan oleh Y, Bhg. Dato' Haji Omar Hashim

9 November 2001



Y. Bhg. Dato' Haji Ambrin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia, Puan Zawiyah Baba, Pemangku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama staf Perpustakaan Negara Malaysia melafazkan ikrar Integriti Perkhidmatan Awam semasa Majlis Pelancaran Minggu Q Perpustakaan Negara Malaysia 2001

6 Disember 2001



Puan Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bergambar kenangan bersama Ms. Kimiko Harada, Pengarah Jabatan Buku, Perpustakaan Diet Negara; Mr. Chen Li, Timbalan Pengarah, Perpustakaan Negara China; Ms. Jan Fullerton, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Australia, dan Mr. Dady P. Pachmananta, Kepala Perpustakaan Nasional Republik Indonesia semasa menghadiri Pameran Treasures From the World's Great Libraries di Perpustakaan Negara Australia

SUMBER PERPUSTAKAAN

Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia dimantapkan melalui pelbagai aktiviti perolehan termasuk penyerahan bahan melalui Penguatkuasaan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*(Akta 331), pembelian, hadiah dan pertukaran.

PENYERAHAN DI BAWAH AKTA 331

Pusat Penyerahan Negara bertanggungjawab menguatkuasakan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986* (Akta 331). Akta tersebut mewajibkan setiap penerbit di negara ini menyerahkan 5 naskhah bahan bercetak dan 2 naskhah bahan tidak bercetak kepada Perpustakaan Negara Malaysia untuk Pemuliharaan dan rujukan. Penguatkuasaan Akta ini telah dapat memantapkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, khususnya koleksi Malaysiana, bagi menyokong usaha penyelidikan,

Pada tahun 2001, sebanyak 9,826 judul bahan Perpustakaan (89,516 naskhah) diterima sebagai bahan serahan di bawah Akta iaitu 8,773 judul bahan bercetak dan 1,053 judul bahan tidak bercetak.

Daripada jumlah ini, sebanyak 7,583 judul (43,277 naskhah) bahan Perpustakaan telah didaftarkan, iaitu merangkumi 6,402 judul bahan bercetak dan 1,181 judul bahan tidak bercetak. Bilangan judul dan naskhah bahan yang diterima dan didaftarkan bagi tahun 2001 adalah seperti pada **Jadual 1 (a) & (b)** dan **II (a) & (b)**.

Jadual I (a)



Jadual I (b)



Jadual II (a)

Bilangan Judul Baru Bahan Bercetak yang Didaftarkan untuk Koleksi Negara

Jenis Bahan	Judul	Naskhah
Monograf	5,689	28,445
Terbitan Bersiri	495	2,475
Kertas Persidangan	218	9,638
Jumlah	6,402	40,558

Jadual II (b)

Bilangan Judul Baru Bahan Tidak Bercetak yang Didaftarkan untuk Koleksi Negara

Jenis Bahan	Judul	Naskhah
Cakera Padat Lagu	357	744
Cakera Padat Dokumen	62	119
Cakera Padat Video	440	1003
Kaset Audio	212	502
Kaset Video	51	177
Betacam	5	10
Filem	53	162
Kit Multimedia	1	2
Jumlah	1,181	2,719

Jadual III
Jumlah Bahan yang Dibeli Mengikut Koleksi
Tahun 2001

Koleksi	Judul	Naskhah
Malaysiana		
• Rujukan	3,162	5,736
• Pinjaman		
Bukan Malaysiana	3,003	10,854
• Rujukan	1,864	1,991
• Pinjaman	1,212	1,951
Jumlah	8,241	20,532

PEMBELIAN

■ Monograf

Pada tahun 2001, Perpustakaan Negara Malaysia memperuntukkan sejumlah RM1,013,010.00 untuk membeli koleksi monograf, iaitu RM700,000.00 di bawah Belanja Mengurus dan RM313,010.00 di bawah Belanja Pembangunan. Daripada peruntukan ini, sebanyak 22,301 naskhah bahan monograf telah diperolehi untuk memantapkan lagi koleksi Malaysiana di Perpustakaan Negara Malaysia dan juga untuk rujukan para penyelidik.

Di bawah peruntukan Belanja Mengurus, sebanyak 20,532 naskhah bahan monograf telah dibeli, iaitu 16,590 naskhah bahan terbitan Malaysiana dan 3,942 naskhah bahan terbitan bukan Malaysiana. Bilangan bahan yang dibeli mengikut koleksi adalah seperti pada **Jadual III, Jadual IV dan Jadual V**.

Di bawah peruntukan Belanja Pembangunan, sejumlah 1,769 naskhah bahan diperolehi, iaitu 266 naskhah bahan nadir Malaysiana, 1,205 naskhah bahan rujukan Malaysiana dan 298 naskhah bahan rujukan bukan Malaysiana.

■ Terbitan Bersiri

Peruntukan sejumlah RM424,100.00 disediakan daripada Belanja Mengurus untuk melanggan terbitan bersiri seperti majalah, jurnal dan surat khabar dalam bentuk cetak, cakera padat dan dalam talian. Sejumlah RM 150,000 daripada Belanja Pembangunan digunakan untuk pemantapan Koleksi Terbitan Bersiri.

Sebanyak 16 judul baru dilanggan pada tahun 2001. Dengan ini jumlah keseluruhan terbitan bersiri yang dilanggan berjumlah 200 judul. Sebanyak 879 torak mikrofilem surat khabar Malaysiana dan 204 unit cakera padat telah ditambah kepada Koleksi Terbitan Bersiri.

■ Sumber Media

Peruntukan sebanyak RM300,000.00 disediakan untuk pembelian bahan Sumber media, iaitu RM155,025.05 di bawah Belanja Mengurus dan RM122,158.10 di bawah Belanja Pembangunan. Sebanyak 487 judul (924 unit) bahan sumber media dalam dan luar negara diperolehi sepanjang tahun 2001. Antara bahan Sumber media yang diperolehi termasuklah cakera padat audio dan video, cakera padat dokumentari, kaset audio dan video, multimedia kit, cakera laser, mikrofilem, mikrofilm dan disket.


■ Manuskrip Melayu

Peruntukan berjumlah 290.000.00 disediakan untuk memperoleh manuskrip Melayu, iaitu RM150,000.00 di bawah Belanja Mengurus dan RM140,000.00 di bawah Belanja Pembangunan. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 155 naskhah manuskrip Melayu dalam bentuk asal diperolehi seperti di **Jadual IV**.

HADIAH DAN PERTUKARAN

Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia ditingkatkan melalui program hadiah dan pertukaran. Sebanyak 3,505 unit bahan (2,785 judul) telah ditambah kepada koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, yang merangkumi 2,761 naskhah bahan monograf, 720 naskhah bahan terbitan bersiri dan 24 unit bahan tidak bercetak. Bahan yang diterima termasuklah sumbangan daripada beberapa institusi dan orang perseorangan. Sebanyak 6.705 unit bahan lebihan telah diagihkan kepada sekolah, pertubuhan dan Perpustakaan di bawah kementerian dan Jabatan kerajaan. Sebanyak 1.022 naskhah bahan terbitan Perpustakaan Negara Malaysia telah diagihkan kepada 495 buah Perpustakaan yang terdiri daripada Perpustakaan di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, Perpustakaan khusus dan Perpustakaan akademik.

Jadual IV



■ Pusat Penyerahan Terbitan Bangsa - Bangsa Bersatu

Sebagai Pusat Penyerahan Terbitan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Perpustakaan Negara Malaysia terus menerima bahan terbitan pelbagai agensi di bawah pertubuhan tersebut. Antara agensi PBB itu termasuklah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF). Bahan Terbitan PBB yang diterima terdiri daripada bahan monograf, terbitan bersiri dan dokumen lain. Pada tahun 2001, sebanyak 892 bahan didokumentasikan untuk rujukan pembaca.

Jadual V



PERKHIDMATAN MAKLUMAT

MAKLUMAT MALAYSIANA

■ Rujukan Malaysiana

Perpustakaan Negara Malaysia berhasrat untuk menjadi Pusat Kecemerlangan bagi Sumber ilmu Malaysiana. Bagi mencapai matlamat ini, penekanan diberikan kepada usaha memantapkan koleksi bahan Malaysiana dan pembentukan serta pengemaskinian produk berasaskan *web* untuk mengayakan lagi kandungan tempatan dalam bentuk multimedia digital.

Penyediaan perkhidmatan yang cekap dan berkesan bagi memenuhi Keperluan maklumat pelanggan juga merupakan prasyarat ke arah pengiktirafan ini. Oleh itu, fokus diberikan kepada usaha yang dapat menjamin perkhidmatan yang berkualiti melalui pematuhan kepada prosedur MS ISO 9002 yang ditetapkan. Penilaian Program bagi Aktiviti Perkhidmatan Maklumat sebagaimana yang disyaratkan pelaksanaannya di bawah Belanjawan yang Diubah suai telah dimulakan pada lewat tahun 2001 dan akan diteruskan pada tahun 3002.

Penggunaan Perkhidmatan Maklumat Malaysiana pada tahun 2001 amat membanggakan. Seramai 221,647 pembaca menggunakan perkhidmatan ini. Kumpulan Utama pembaca terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi, pelajar kolej, pelajar sekolah serta anggota perkhidmatan awam dan sektor swasta. Sebanyak 221,712 bahan Malaysiana telah dirujuk, iaitu 221,672 bahan bercetak dan 40 bahan tidak bercetak. Melalui perkhidmatan ini, sebanyak 14,046 pertanyaan rujukan telah diterima dan dijawab. Sepanjang tahun 2001 juga, sebanyak 2,569 pembaca telah diberikan sesi pendidikan pengguna secara tidak berjadual.

■ Terbitan Bersiri

Perkhidmatan Terbitan Bersiri Malaysiana membekalkan maklumat terbitan bersiri terbitan dalam negara. Perkhidmatan Terbitan Bersiri Umum pula membekalkan maklumat terbitan bersiri terbitan luar negara.

Terbitan Bersiri boleh didapati dalam, bentuk bercetak dan tidak bercetak. Pada tahun 2001, Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat Terbitan Bersiri menerima sebanyak 30,433 pertanyaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24,303 adalah pertanyaan rujukan Malaysiana.

Seramai 69,819 pembaca telah menggunakan Perkhidmatan Terbitan Bersiri. Mereka telah merujuk 159,990 naskah terbitan bersiri dan daripada jumlah tersebut sebanyak 149,137 adalah Terbitan Bersiri Malaysiana.

Jadual VI



■ Sumber Media

Pada tahun 2001, perkhidmatan Sumber Media menerima sebanyak 9,797 pengunjung, sebanyak 8,496 judul bahan dirujuk dan sebanyak 581 pertanyaan rujukan berjaya dipenuhi. Program tayangan video dan televisyen ASTRO yang meliputi pelbagai Sumber dan bidang seperti CNN, sukan, Discovery dan National Geographic juga ditayangkan kepada pembaca pada setiap hari Sabtu dan Ahad. Rangkaian TNT/ Cartoon Network, Discovery dan Disney disalurkan kepada Perpustakaan Kanak-Kanak.

MAKLUMAT DUNIA

■ Rujukan Umum

Perkhidmatan Rujukan Umum menyediakan bahan rujukan terbitan luar negara dalam bentuk monograf mengenai pelbagai bidang kepada pembaca Perpustakaan. Perkhidmatan Rujukan Umum juga menyediakan kemudahan untuk mengakses maklumat elektronik dalam bentuk CD-ROM, mengakses Internet dan Pangkalan data secara dalam talian dari dalam dan luar negara. Pada tahun 2001, seramai 50,543 pembaca menggunakan perkhidmatan rujukan umum dan sebanyak 144,070 bahan telah dirujuk. Pertanyaan rujukan yang diterima dan dijawab melalui perkhidmatan ini mencapai 15,204 pertanyaan.

Dalam usaha mempromosikan dan menggalakkan penggunaan bahan rujukan umum, sebanyak 6 pameran buku mengenai isu semasa diadakan sepanjang tahun 2001 di Bahagian Rujukan Umum. Bahagian Rujukan Umum juga telah mengusahakan *Direktori Laman Web Jabatan dan Agensi Kerajaan di Malaysia* yang memenangi tempat kedua dalam Pertandingan Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Jabatan tahun 2001.

◆ **Perkhidmatan Maklumat Elektronik**

Perkhidmatan maklumat elektronik yang disediakan oleh Bahagian Rujukan Umum terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pembaca. Seramai 3,327 pembaca telah menggunakan perkhidmatan ini. Daripada jumlah tersebut, 3,237 orang mengakses Internet, 90 orang merujuk CD-ROM dan 49 orang mengakses Pangkalan data dalam talian dari dalam dan luar negara. Pangkalan data yang boleh diakses oleh pembaca ialah Global Access, BERNAMA Equities, Encyclopedia Britannica Online, CultureLink, MasticLink, Sirimlink, BOND dan PALMOILIS.


◆ **Pempakejan Maklumat**

Perkhidmatan Pempakejan Maklumat ialah perkhidmatan yang mengumpul dan mepakej maklumat daripada pelbagai Sumber dalam sesuatu bidang atas permintaan atau jangkaan permintaan pembaca perpustakaan. Pada tahun 2001, sebanyak 62 topik pempakejan maklumat disediakan. Antara topik yang dipakejkan termasuklah pengkomputeran, ekonomi, harta intelek dan hak asasi manusia,

◆ **Terbitan Bersiri**

Perkhidmatan Terbitan Bersiri Umum disediakan dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak. Maklumat boleh dicapai melalui pangkalan data yang dilanggan seperti *NSTP e-Media*, *Law net*, *ProQuest Online* dan melalui bahan cakera padat seperti *General Periodicals Ondisc (GPO)* atau *Business Periodicals Ondisc (BPO)*. Melalui perkhidmatan rujukan Terbitan Bersiri Umum, sebanyak 10,803 bahan dirujuk dan 6,310 pertanyaan rujukan umum dapat dipenuhi pada tahun 2001.

Jadual VII



MANUSKRIP MELAYU

Pusat Manuskrip Melayu yang ditubuhkan pada tahun 1985 bertanggungjawab untuk membina koleksi manuskrip Melayu, mendokumen, memulihara, menyediakan perkhidmatan dan menyebarkan ilmu yang terkandung di dalamnya melalui pelbagai cara, termasuk pameran dan Penerbitan.


GERAKAN MEMBACA

Slogan Bulan Membaca Kebangsaan 2001 *Membaca Merdekakan Minda* bertujuan untuk menyeru rakyat Malaysia melaksanakan tanggungjawab mengamalkan tabiat membaca bagi tujuan menimba ilmu, memanfaatkan idea, pendapat dan pengalaman orang lain daripada Sumber bacaan agar berfikiran terbuka dan tidak berada dalam kepompong yang sempit. Hal ini penting kerana pembacaan yang jitu akan dapat memelihara akhlak dan jiwa manusia ke arah hidup yang lebih sejahtera dan murni. Bagi melaksanakan tanggungjawab tersebut, Perpustakaan Negara Malaysia melalui Bahagian Gerakan Membaca telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk menggalakkan pembacaan.

◆ **Perkhidmatan Hipermedia Kanak-Kanak**

Mulai tahun 2001, Pusat Sumber Hipermedia bertukar wajah apabila perisian Macintosh digantikan dengan perisian Windows. Melalui perisian Windows lebih banyak CD yang menarik dapat disediakan bagi memenuhi selera para pengguna kanak-kanak yang semakin aktif menggunakan Pusat Sumber Hipermedia. Seramai 22,903 kanak-kanak menggunakan kemudahan Pusat Sumber Hipermedia sepanjang tahun 2001 berbanding 23,671 kanak-kanak pada tahun 2000 seperti di **Jadual VIII**.

Jadual VIII




◆ Program Pengembangan Membaca

Di bawah program Gerakan Membaca Kebangsaan, sebanyak RM20,000.00 telah diagihkan untuk membeli bahan bacaan yang disumbangkan kepada Pusat Serenti Raub, Pahang dan Pusat Serenti Karang, Kedah. Majlis Penyerahan Sumbangan Bahan Bacaan diadakan pada 15 November 2001 di Pusat Serenti Raub, Pahang. Puan Zawiyah binti Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia menyampaikan sumbangan buku tersebut kepada Ketua Pengarah Agensi Dadah Kebangsaan, Y.Bhg. Dato' Wan Ibrahim bin Wan Ahmad. Di samping itu sebanyak RM140,000.00 diperuntukkan kepada 14 buah negeri bagi menjayakan Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Negeri dengan setiap negeri menerima sebanyak RM10,000.00. Perpustakaan Negara Malaysia juga bekerjasama dengan Akademi Seni Kebangsaan untuk menjayakan Bengkel Pembacaan Melalui Wayang Kulit dengan kos sebanyak RM10,000.00. Selain itu, seramai 25 anak orang asli dari Sekolah Kebangsaan Sungai Dua Bentong, Pahang telah diberi peluang menyertai Kem Komputer 2001 yang dibiayai oleh Syarikat ExxonMobil di Malaysia.

◆ Pendaftaran Pembaca

Kempen Keahlian Perpustakaan Negara Malaysia dilancarkan pada bulan Julai 2001 sempena dengan sambutan Bulan Membaca Kebangsaan 2001. Kempen ini bertujuan untuk menambah keahlian Perpustakaan dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan Perpustakaan. Kempen ini berjaya memperoleh bilangan ahli baru yang berdaftar, iaitu sebanyak 63,928 pada tahun 2001 berbanding 56,028 pada tahun 2000 dengan Peningkatan sebanyak 12%. Daripada jumlah tersebut, seramai 11,107 orang terdiri daripada kanak-kanak, 52,821 orang dewasa, 6,337 buah keluarga dan seramai 777 warganegara asing. Jumlah kumulatif pembaca berdaftar dari tahun 1993 - 2001 adalah seramai 484,221 orang seperti di **Jadual IX**.

Jadual IX



Jadual X



◆ Pinjaman

Pada tahun 2001 perkhidmatan Gerakan Membaca memberikan kemudahan pinjaman buku sebanyak 295,921 naskah berbanding 369,062 naskah pada tahun 2000, iaitu penurunan sebanyak 20%. Sebanyak 162,091 naskah dipinjam daripada koleksi dewasa dan 124,090 naskah dipinjam daripada koleksi kanak-kanak manakala pinjaman melalui pos berjumlah 7 naskah dan sebanyak 9,733 naskah adalah melalui pinjaman secara berkelompok **Jadual X**.

Kategori	Tahun		
	1999	2000	2001
Pusat	430,508	362,688	286,181
Pos	367	170	7
Kelompok	10,540	6,204	9,733
SPP	1,064	798	983

◆ Bulan Membaca

Buat pertama kalinya, Bulan Membaca Kebangsaan disambut dalam bulan Julai mulai tahun 2001. Ia merupakan acara kemuncak Perpustakaan Negara Malaysia setiap tahun. Perpustakaan Negara Malaysia telah menyediakan pelbagai aktiviti dan program menarik bagi menggalakkan penyertaan pelbagai golongan masyarakat. Objektif utama sambutan ini adalah untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pembacaan serta menggalakkan masyarakat Malaysia mengamalkan budaya membaca daripada pelbagai sumber bahan bacaan.

◆ Pelancaran Laman Web E-Warisan

Dalam usaha untuk mengayak kandungan tempatan dalam bentuk multimedia digital, Bahagian Rujukan Malaysiana meneruskan usaha untuk mengemaskinikan kandungan dalam laman web warisan budaya yang telah dibangunkan serta membangunkan laman web baru yang berkaitan dengan sejarah Malaysia. Kandungan ini telah dikumpul untuk dijadikan portal *E-warisan* yang dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Dato' Mahadzir Mohd. Khir, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia sempena pelancaran Bulan Membaca Kebangsaan 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra

◆ Pameran

Pameran Menghayati Sains dan Teknologi Melalui Penerbitan diadakan selama sebulan mulai 1 Julai hingga 31 Julai 2001. Pameran ini bertujuan untuk meningkatkan minat dan penghayatan orang ramai terhadap sains dan teknologi melalui penerbitan yang telah dihasilkan oleh rakyat Malaysia.



Pemenang kuiz Pameran Menghayati Sains Dan Teknologi Melalui Penerbitan sedang menerima hadiah daripada Puan Norpishah Mohd. Noor, Pengarah Perkhidmatan Sokongan.

◆ Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Kebangsaan

Perpustakaan Negara Malaysia buat pertama kalinya telah mengadakan Pertandingan Perpustakaan Keluarga Peringkat Kebangsaan yang merupakan usaha sama antara Perpustakaan Negara Malaysia dengan Perpustakaan Awam Negeri di seluruh negara. Pertandingan ini bertujuan untuk melibatkan ibu bapa dalam memupuk minat dan amalan membaca di kalangan kanak-kanak. Terdapat 2 kategori Perpustakaan keluarga yang dipertandingkan. iaitu kategori taman perumahan dan kategori kampung/desa. Pemenang pertama menerima sebuah komputer *note book* manakala pemenang kedua menerima sebuah komputer peribadi. Pemenang ketiga pula menerima sebuah *palmtop* dan pemenang sagu hati menerima hadiah buku bernilai RM200.00.

◆ Aktiviti Bacaan Kegemaran Saya

Aktiviti ini dijalankan sekali lagi dalam tahun 2001, diadakan pada setiap hari selama sebulan dari 1 Julai

hingga 31 Julai 2001. Pada setiap hari Sabtu pula sesi ini diperuntukkan khusus kepada para remaja.

◆ Bulan Pengampunan

Perpustakaan Negara Malaysia mengadakan Bulan Pengampunan dari 1 Julai hingga 31 Julai 2001, khusus untuk para pembaca yang lewat memulangkan buku tanpa dikenakan sebarang denda.

◆ Kuiz Mengenali Dunia IT

Aktiviti, ini diadakan pada 6 Julai 2001 bertujuan untuk memberikan pendedahan dan memupuk minat kanak-kanak dalam penggunaan komputer.

● Seminar

◀ Penerbitan Bahan Elektronik dan Undang-undang

Seminar yang dijalankan pada 18 Julai 2001 ini memberi fokus kepada pelbagai perkara berkaitan dengan penerbitan bahan elektronik dan undang-undang. Seminar ini diadakan untuk merapatkan hubungan antara Pustakawan dengan Penerbit serta meningkatkan pengetahuan tentang industri penerbitan dan maklumat.

◀ Seminar Literasi Maklumat

Seminar anjuran Persatuan Pustakawan Malaysia dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia ini diadakan pada 6 Ogos 2001. Seminar ini bertujuan untuk mengenai pasti usaha bagi meningkatkan kandungan digital tempatan, mengenai pasti pendekatan bersepadu dalam mengukuhkan perkhidmatan maklumat digital, mengukuhkan perkhidmatan perpustakaan dalam menyokong pembelajaran elektronik (*e-learning*) dan meningkatkan pengetahuan mengenai perkembangan maklumat digital.

● Bengkel

◀ Bengkel Meneroka E-Maklumat

Bengkel ini dijalankan sebanyak 3 sesi, iaitu pada 11 Julai, 26 Julai dan 31 Julai 2001. Bengkel ini bertujuan untuk mendedahkan peserta bengkel kepada dimensi maklumat elektronik dan proses pencarian maklumat secara strategik dan berkesan.

◀ Bengkel Mental Aritmetik

Bengkel ini bertujuan untuk melatih dan rmemahirkan para pelajar mengenai teknik dan pendekatan 'kira cepat' dalam mata pelajaran matematik, terutama kepada kanak-kanak dan diadakan pada 14 Julai 2001.

● Ceramah

◀ Ceramah *The Issues and Challenges of Service Delivery in the Digital Age, with Particular Reference to the Work Underway at the National Library of Australia.*

Ceramah ini disampaikan oleh Ms. Jan Fullerton, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Australia pada 12 Julai 2001.

◀ Ceramah Jati Diri Dalam Era ICT

Ceramah ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para pelajar dan guru mengenai kepentingan jati diri dalam era ICT bagi menapis gejala negatif dan pengaruh luar. Sebanyak 2 sesi diadakan, iaitu pada 14 dan 28 Julai 2001.

• Majlis Pelancaran Buku

Dua majlis pelancaran buku telah diadakan, Majlis pertama ialah pelancaran buku tulisan Shaharom TM Sulaiman bertajuk *Pengurusan: Wacana Pengurusan Menyongsong Abad 21* yang dilancarkan pada 13 Julai 2001. Majlis kedua pula ialah pelancaran buku tulisan Dr. Shaharom Husain bertajuk *Di Bawah Hujan Peluru* yang dilancarkan pada 20 Julai 2001.

• Sesi Bercerita Boneka

Aktiviti ini diadakan pada 20 Julai 2001, bertujuan untuk memupuk sikap gemar membaca pada usia muda melalui teknik bercerita yang berunsur pendidikan dan hiburan.

• Pertandingan Mendengarkan Syair Jawi Lama dengan Iringan Tarian / Lakonan

Aktiviti ini bertujuan untuk mendedahkan generasi muda kepada warisan ilmu dan budaya yang terdapat dalam bentuk manuskrip Melayu. Majlis mendengarkan syair ini diadakan pada 28 Julai 2001.

• Wacana Pembacaan

Aktiviti ini adalah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Panpac Lifestyle Magazines Sdn. Bhd, Lorna Whiston dan Anakku. Wacana yang bertajuk *Ashuan Membaca Seawal Usia - Realiti dan Cabaran* bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada ibu bapa mengenai kaedah menyemai amalan suka membaca di kalangan kanak-kanak pada peringkat awal usia. Aktiviti ini dijalankan pada 15 Julai 2001.



Peserta Pertandingan Mendengarkan Syair Jawi Lama.

• Pertandingan Menulis Esei dalam Bahasa Inggeris

Pertandingan anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Kelab Sahabat Perpustakaan Negara



Peserta aktiviti "Mari Mewarna Menggunakan Sand Art"



Puan Zawiyah Baba, Pemangku Ketua Pengarah bersama Eksekutif ExxonMobil dan Peserta Kem Komputer 2001.

Malaysia ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran golongan muda untuk menulis dalam Bahasa Inggeris dan Pertandingan ini diadakan pada 22 Julai 2001.

◆ Hari Kanak-kanak Sedunia

Tahun ini merupakan tahun kelapan Bahagian Gerakan Membaca menganjurkan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia yang merupakan acara tetap tahunan. Sambutan yang berlangsung pada 27 Oktober 2001 di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Pelbagai acara menarik dipersembahkan seperti pertunjukan badut/silap mata, persembahan koir, suararama, taridra, sesi bercerita Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, deklamasi sajak dan Persembahan dikir barat. Persembahan dikir barat disampaikan oleh para pelajar Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Sekolah Kebangsaan Convent BuKit Nanas 1, Sekolah Kebangsaan Jalan Gurney 2 dan Sekolah Kebangsaan Jalan Peel. Tema Hari Kanak-Kanak Sedunia 2001 ialah *Kanak-kanak Penjana Integrasi Nasional*.



Persembahan Dikir Barat semasa Perasmian Hari Kanak-Kanak Sedunia.

◆ Kem Komputer

Kem Komputer 2001 telah dijalankan dengan jayanya melalui tajaan ExxonMobil di Malaysia. Ia diadakan dari 9 September hingga 14 September 2001 di Pusat Sumber Hipermedia, Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 25 orang kanak-kanak masyarakat orang asli yang berumur antara 10 hingga 12 tahun dari Sekolah Kebangsaan Sungai Dua Bentong, Pahang telah diberi peluang untuk menyertai Kem Komputer ini. Melalui kem ini diharap para peserta berpeluang untuk menikmati kemudahan teknologi dan menyedari akan pentingnya teknologi dalam kehidupan masa kini.

PENDOKUMENTASIAN DAN PANGKALAN DATA

■ PENDOKUMENTASIAN

◆ Monograf

Sebanyak 14,555 judul bahan monograf yang meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam dan luar negara telah dikatalogkan dan 34,256 naskhah diproses untuk rujukan dan pinjaman pembaca. Bahan ini terdiri daripada 28,306 naskhah bahan Malaysiana dan 5,950 naskhah bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 2,404 kertas kerja daripada 254 Persidangan/seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam Pangkalan data PANCARAN MENTARI.

Di bawah perkhidmatan PDP, Perpustakaan Negara Malaysia telah menyediakan sebanyak 1,849 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia. Judul ini dipromosikan melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia bagi tujuan pemilihan/perolehan Perpustakaan dan pusat Sumber maklumat serta orang ramai. Sehingga akhir tahun 2001, seramai 618 penerbit tempatan menyertai perkhidmatan ini dan 63 daripadanya merupakan penerbit baru.

◆ Terbitan Bersiri

● Pengkatalogan dan Pengelasan

Sebanyak 269 judul terbitan bersiri telah dikatalogkan dan dikelaskan.

● Pengindeksan Majalah Dalam Negara

Sebanyak 191 judul majalah tempatan telah dikesan mengandungi artikel penting dan sebanyak 2,319 artikel telah diindeks dan boleh dicapai dalam talian.

● Pengindeksan Majalah Bukan Rumi

Sebanyak 8 judul majalah tempatan dalam Bahasa Cina telah dikesan mengandungi artikel penting dan sebanyak 286 artikel telah diindeks.

● Pengindeksan Majalah Luar Negara

Sebanyak 34 judul majalah luar negara telah dikesan mengandungi artikel penting dan sebanyak 212 artikel telah diindeks.

■ Indeks Dalam Talian

Pancaran Mentari adalah Pangkalan data yang dikemaskinikan oleh Perkhidmatan Terbitan Bersiri dan boleh dicapai dalam talian melalui sistem bersepadu Perpustakaan VTLS.

PANCARAN MENTARI mengandungi maklumat:

- ◀ Artikel terpilih yang diindeks daripada majalah terbitan Malaysia yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)* sejak tahun 1992.
- ◀ Artikel terpilih mengenai Malaysia yang diindeks daripada majalah luar negara sejak tahun 1997.

■ PANGKALAN DATA

Pada akhir tahun 2001, Pangkalan data dalam talian yang boleh dicapai melalui VTLS ialah:

- ◆ BINAR - mengandungi 290,289 rekod bibliografi Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.
- ◆ BIBLIOGRAFI NEGARA MALAYSIA mengandungi 49,945 rekod bibliografi bahan Perpustakaan yang diterbitkan di Malaysia dan diserahkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia di bawah *Akta Pemeliharaan Buku-buku 1966* dan *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*
- ◆ PANCARAN MENTARI-mengandungi 47,213 rekod indeks berikut:
 - 35,315 rekod indeks artikel daripada majalah terbitan dalam negara mulai tahun 1997
 - 9,545 rekod indeks kertas kerja Persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia mulai tahun 1997
 - 2,353 rekod indeks artikel mengenai Malaysia yang diterbitkan dalam masalah dan surat khabar luar negara mulai tahun 1997.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

■ Listserve Kumpulan Perbincangan

Kumpulan listserve masih diteruskan dan terdapat seramai 92 ahli dalam GUNASAMA listserve, 27 ahli PERPUN listserve, 18 ahli STATELIB listserve serta 17 ahli DIGILIB listserve. Promosi yang berterusan akan dilakukan bagi menarik perpustakaan lain untuk menyertai listserve tersebut.

■ Khidmat Nasihat Pengkomputeran

Khidmat nasihat pengkomputeran diberikan kepada perpustakaan berikut:-

- Kolej Matrikulasi Labuan
- Bahagian Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Koko Sabah
- Majlis Perbandaran Klang
- Sekolah Menengah Damansara Jaya

■ Projek Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)

Projek Perpustakaan digital ini diteruskan dengan melanggan beberapa Pangkalan data komersial secara konsortium bagi membolehkan perpustakaan kecil atau sederhana yang mendapat peruntukan kecil menggunakan perkhidmatan ini. Setiap ahli mendapat kata kunci bagi mengakses pangkalan data ini. Sebanyak 48 perpustakaan yang menyertai projek ini telah dapat mengakses pangkalan data ini. Pangkalan data yang dapat diakses ialah *ProQuest EBSCO*, *BOND*, *MASTICLINK*, *Sibexlink*, *Sirmlink*, *PalmOilis*, *ITKnowledge* dan *CLJ Legal Network*. PNM juga telah memulakan proses tender untuk perolehan perkakasan bagi projek sistem PERDANA ini. Untuk menambah kandungan maklumat tempatan, tahun 2001 menyaksikan kegiatan pendigitan yang rancak dijalankan oleh PNM termasuk Penerbitan CD-ROM dan pendigitan terbitan Jabatan meliputi laporan tahunan, PUSTAKA, SEKITAR, Keratan Akhbar mengenai Malaysia, Koleksi Manuskrip Melayu, Koleksi Nadir, 10 dasar Jabatan dan Laporan teknikal.

■ Pembinaan Pangkalan Data Direktori Perpustakaan di Malaysia

Pangkalan Data Direktori Perpustakaan di Malaysia merupakan pangkalan data yang menyimpan maklumat mengenai setiap Perpustakaan di Malaysia. Pangkalan data ini mula dibina pada pertengahan tahun 2000 dan dijangka siap pada Disember 2001.

Pangkalan data ini merupakan pangkalan data yang berasaskan laman web dan akan diintegrasikan ke dalam Sistem PERDANA. Maklumat yang boleh diakses termasuk maklumat asas seperti alamat, laman web, e-mel, telefon, faks, nama dan jawatan Ketua Perpustakaan serta bilangan staf profesional dan sokongan.

■ Projek Rangkaian Perpustakaan Digital Islam Kebangsaan

Mesyuarat untuk membincangkan kandungan portal Rangkaian Perpustakaan Digital Islam diadakan pada April dan September 2001. Perjumpaan dengan Dr. Jonn Gage dari Sun Microsystems untuk membincangkan projek ini diadakan pada 8 September 2001 di Multimedia Development Corporation (MDC) Perpustakaan Negara Malaysia sedang dalam peringkat mengumpul maklumat untuk kandungan tempatan portal ini.

■ Pembinaan Kandungan Tempatan

Pada tahun 2001 PNM menjadi penyelarar projek Perpustakaan di bawah pembiayaan DAGS-NITC. Daripada 8 projek yang dimajukan, 2 projek telah diluluskan sementara 2 projek lagi masih dalam pertimbangan pihak DAGS. Projek PNM ialah portal Raja Kita yang dijangka siap pada akhir tahun 2002.

■ Perkhidmatan Pendaftaran Dalam Talian

Selaras dengan usaha ke arah mesra pelanggan, PNM telah memperkenalkan Perkhidmatan Pendaftaran Dalam Talian pada Julai 2001 bersempena dengan pelancaran Bulan Membaca 2001. Pengguna tidak perlu lagi datang ke Perpustakaan Negara Malaysia untuk membuat pendaftaran, sebaliknya pengguna hanya perlu mendaftar melalui laman web Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu www.pnm.my. Pengguna akan dihubungi melalui e-mel untuk mengambil kad di kaunter pendaftaran dalam tempoh seminggu. Seramai 385 pengguna telah menggunakan perkhidmatan ini.

■ Pendigitan

- Pada tahun 2001, dua Mesyuarat Pelaksanaan Projek Pendigitan Sumber PNM telah diadakan, iaitu pada 31 Januari 2001 dan 15 Jun 2001 untuk memantau perkembangan projek pendigitan Jabatan.
- Sesi latihan yang diadakan sepanjang 2001 adalah seperti yang berikut:-

- ◀ Sesi latihan kemahiran projek pendigitalan sumber perpustakaan diadakan pada 20 April 2001. Seramai 18 peserta dari bahagian yang terlibat di PNM menyertai sesi ini.
- ◀ Siri latihan Sistem Perdana II diadakan pada 2 hingga 3 Ogos 2001 dan disertai oleh 22 peserta dari PPAN, perpustakaan gunasama dan juga pegawai PNM.
- ◀ Lawatan ke perpustakaan HUKM diadakan pada 13 September 2001 dan dihadiri oleh 11 pegawai pasukan pelaksana projek pendigitalan.
- ◀ Jabatan telah mengemaskinikan Manual Pengguna Sistem Pendigitalan Sumber PNM untuk rujukan pasukan pelaksana projek pendigitalan.
- ◀ Sehingga akhir tahun 2001, Sumber koleksi perpustakaan yang telah diimbas dan diindeks adalah:
 - ◀ *Pustaka* (Bil 1/2000)

- ◀ Laporan Tahunan PNM (tahun 1973 - 1980)
- ◀ Manuskrip Adab Raja-Raja

Sumber koleksi yang telah siap diimbas adalah:-


- ◀ Keratan akhbar tentang perpustakaan dan Pembacaan
- ◀ 250 naskah manuskrip Melayu
- Satu laporan kedudukan kajian pelaksanaan projek pendigitalan perpustakaan kementerian/jabatan kerajaan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri juga telah disediakan.

PEMULIHARAAN DAN REPROGRAFI

Jabatan ini sentiasa berusaha untuk memuliharasumber koleksi perpustakaan, terutamanya bahan manuskrip Melayu dan bahan nadir Malaysiana. Aktiviti ini dijalankan untuk mengekalkan ketahanan bahan supaya generasi akan datang dapat menghayatinya. Di samping itu, salinan mikrofilem surat khabar tempatan, manuskrip dan bahan nadir juga dibuat sebagai langkah pemuliharaan. Salinan dalam bentuk mikrofilem lazimnya untuk rujukan pengguna.

Pemuliharaan meliputi aktiviti penyelenggaraan sumber perpustakaan, penjilidan, pengawetan dan pemikrofileman. Jumlah bahan yang siap diawet, dijilid dan dimikrofilem adalah seperti dalam **Jadual XI** di bawah.

Jadual XI



■ Aktiviti Pemuliharaan

◆ Pengawetan Manuskrip Melayu

Manuskrip Melayu yang diperoleh oleh PNM lazimnya mengalami kerosakan yang hampir reput. Bagi menyelamatkan koleksi sedemikian pengawetan perlu dilakukan. Sebanyak 250 naskhah manuskrip Melayu telah diwasap secara kontrak luar bagi memusnahkan serangan kulat dan serangga.

Pada tahun 2001, sebanyak 2,994 helaian manuskrip diawet dan (41 naskhah dijilid). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 797 helaian diawet secara pembaikan tradisional, manakala 1,138 helaian lagi secara pembaikan tisu dan 1,059 helaian secara pembaikan *leafcasting*. Pencapaian pengawetan manuskrip Melayu mengikut helaian pada tahun 2001 telah meningkat 22% jika dibandingkan dengan pencapaian tahun lepas.

◆ Pengawetan Bahan Nadir

Bahan nadir yang diawet pada tahun 2001 adalah sebanyak 11,159 helaian (89 naskhah dijilid semula). Pencapaian ini menurun 6% dari segi helaian dan 1% dari segi jilidan. Penurunan ini disebabkan oleh kekosongan satu jawatan Pengawet.

◆ Aktiviti Reprografi

Aktiviti reprografi melalui penukaran format bahan bercetak kepada bentuk mikrofilem masih giat dijalankan oleh Jabatan ini, walaupun teknologi digital berkembang pesat. Ini disebabkan bentuk sedemikian terbukti utuh dan kekal. Pada tahun 2001, sebanyak 78,997 kaki mikrofilem telah disediakan. Daripada jumlah ini, sebanyak 5,116 kaki adalah bahan manuskrip Melayu, 493 kaki bahan nadir dan 63,388 kaki bagi 7 judul surat khabar tempatan.

Pencapaian ini merupakan peningkatan sebanyak 26%, kesan daripada pemikrofileman secara kontrak luar.

Pada tahun 2001, Jabatan mengadakan pelbagai aktiviti dan aktiviti berkenaan telah dirakam dalam bentuk gambar. Sebanyak 158 aktiviti telah dirakamkan dan 3,756 keping gambar dihasilkan. Jika dibandingkan dengan tahun 2000, jumlah aktiviti yang dibuat liputan meningkat sebanyak 37% dan gambar yang dihasilkan pula meningkat 22.5%.

◆ Aktiviti Penjilidan

Perkhidmatan Pemuliharaan dan Reprografi telah menjilid kertas seminar, buku, majalah dan warta kerajaan supaya lebih kukuh dan mudah digunakan oleh pengguna. Sebanyak 3,673 naskhah bahan nadir telah dijilid, 1,163 naskhah daripadanya dijilid secara kontrak luar.



Encik Shaadun Zubir Md. Akib, sedang memberikan penerangan tentang pengawetan bahan Manuskrip Melayu kepada pengguna Perpustakaan.

PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

PRASARANA PERPUSTAKAAN

Salah satu tanggungjawab utama Perpustakaan Negara Malaysia adalah untuk membangunkan prasarana perpustakaan di seluruh negara, khususnya perpustakaan awam dan perpustakaan khusus, selaras dengan peranan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah *Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987*.

◆ Projek Perpustakaan Negara Malaysia

Pada tahun 2001, peruntukan sebanyak RM3,110,000.00 disediakan untuk projek pembangunan Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu menaik taraf bangunan PNM, program pembudayaan ilmu, pembangunan perpustakaan digital dan pemantauan projek pembangunan fizikal. Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan sebanyak RM1,981.641.82 daripada peruntukan yang berjumlah RM3,773,020.00, iaitu 53% daripada yang disediakan.

Selain itu, peruntukan berjumlah RM663,010.00 disediakan untuk pembinaan Koleksi Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM204,620.18, iaitu 69.14% telah dibelanjakan.

◆ Projek Perpustakaan Awam Negeri

Projek Pembangunan Perpustakaan Awam Negeri yang diluluskan dalam tahun 2001 merupakan projek kesinambungan dan pemantapan projek yang dilaksanakan dalam RM Ke-7. Daripada jumlah RM14,087,100.00 yang disediakan untuk 2001, sebanyak RM16,383,204.44, iaitu 116.3% telah dibelanjakan. Ini termasuk perbelanjaan peruntukan tambahan sebanyak RM2,296,104.44.

◆ Bangunan Perpustakaan Negeri

Peruntukan berjumlah RM2,500,000.00 telah disediakan pada tahun 2001 dan sebanyak RM1,873,243.30 atau 75% telah dibelanjakan. Projek Perpustakaan Negeri yang terlibat ialah:

● Pengubahsuaian Perpustakaan Negeri Perlis

Siling peruntukan di bawah RM Ke-8 adalah sebanyak RM1,000,000.00. Peruntukan tahun 2001 adalah sebanyak RM500,000.00. Sehingga akhir tahun 2001, perbelanjaan yang digunakan adalah sebanyak RM503,157.30(101%).

● Perpustakaan Negeri Sabah

Kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM22,000,000.00. Siling peruntukan di bawah RM Ke-8 adalah sebanyak RM4,000,000.00. Sebanyak RM2,000,000.00 telah disediakan bagi tahun 2001. Sehingga Disember 2001 sebanyak RM1,370,086.00 (69%) telah dibelanjakan.

◆ Projek Perpustakaan Cawangan

Projek Perpustakaan cawangan berikut telah siap dibina pada tahun 2001:

- Perpustakaan Awam Cawangan Mersing, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Pontian, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Segamat, Johor
- Perpustakaan Awam Cawangan Kulim, Kedah
- Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- Perpustakaan Awam Cawangan Bentong, Pahang
- Perpustakaan Awam Cawangan Raub, Pahang
- Perpustakaan Awam Cawangan Seri Iskandar, Perak
- Perpustakaan Awam Cawangan Marang, Terengganu

◆ Projek Perpustakaan Cawangan berikut masih dalam pembinaan

- Perpustakaan Awam Cawangan Baling, Kedah
- Perpustakaan Awam Cawangan Merlimau, Melaka
- Perpustakaan Awam Cawangan Cameron Highlands, Pahang
- Perpustakaan Awam Cawangan Georgetown, Pulau Pinang
- Perpustakaan Awam Cawangan Lahad Datu, Sabah



Perpustakaan Awam Cawangan Kulim, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.



Perpustakaan Awam Cawangan Kuala Pilah, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.



Perpustakaan Awam Cawangan Bentong, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang



Perpustakaan Awam Cawangan Marang, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

◆ Perpustakaan Pekan

Hanya satu (1) unit perpustakaan pekan disediakan pada tahun 2001 iaitu Perpustakaan Pekan Bagan Ajam, Pulau Pinang. Sebanyak RM210,000.00 telah diperuntukkan dan telah dibelanjakan sepenuhnya.

■ Perpustakaan Bergerak Multimedia (e-Pustaka)

Pada tahun 2001, sebanyak lima (5) unit Perpustakaan Bergerak Multimedia e-Pustaka telah siap dibina. Setiap bas dilengkapi dengan 1 unit server sebagai pelayan dan 8 unit komputer *notebook* berserta Internet. Pembinaan bas tersebut dimulakan pada bulan Januari 2001 dan telah siap sepenuhnya pada bulan Mei 2001. Peruntukan sebanyak RM845,000.00 yang disediakan pada tahun 2001 bagi 5 unit e-Pustaka telah habis dibelanjakan. e-Pustaka tersebut diagihkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Melaka, Pahang, Selangor dan Pustaka Negeri Sarawak.

■ Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia dengan Perpustakaan Awam Negeri

Sebanyak 2 mesyuarat telah diadakan pada tahun 2001 bagi tujuan mengikut perkembangan dan Kemajuan projek pembangunan di peringkat negeri. Khususnya yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat pertama diadakan di Melaka pada 4 Mei 2001 dan mesyuarat kedua di Perpustakaan Negara Malaysia pada 12 November 2001.

■ Persidangan Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka (PERPUSTAM) telah menganjurkan *Persidangan Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri* di

Melaka pada 3 Mei 2001. Persidangan ini yang julung kali diadakan bertema *Menjana Masyarakat Berilmu Melalui Pengurusan Cemerlang Perpustakaan Awam Negeri* dan dihadiri oleh semua Ahli Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri. Persidangan ini dirasmikan oleh Y.A.B. Datuk Wira Mohd. Ali Rustam Ketua Menteri Melaka.

Objektif Persidangan adalah untuk menjalin persefahaman dan persepakatan di antara Perpustakaan Negara Malaysia dengan Perpustakaan Awam Negeri, menyediakan forum untuk membincangkan isu dan masalah pembangunan Perpustakaan Awam di negara ini dan mengeratkan silaturrahim antara Ahli Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri dengan Perpustakaan Negara Malaysia.

Seramai 5 Pengerusi Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Negeri menghadiri Persidangan tersebut. Mereka terdiri daripada YB. Tuan Haji Ahmad Zahri Jamil, Pengerusi Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Johor, Y.B. Encik Takiyuddin Haji Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Kelantan, Y.3hg. Tan Sri Datuk Amar Haji Hamid Bugo, Pengerusi Lembaga Pengarah Negeri Sarawak, YB Dato' Haji Ismail Kijo, Pengerusi Lembaga Pengarah Perpustakaan Awam Selangor dan Y.B. Dato' Haji Abdul Kadir bin Haji Daud, Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka.

KHIDMAT NASIHAT/ PERUNDINGAN

Sebanyak 28 institusi mendapat khidmat nasihat dan perundingan pada tahun 2001. Institusi tersebut adalah seperti yang berikut:

◆ Jabatan Kerajaan

- Makmal Penyiasatan Jenayah dan Latihan, Bahagian Forensik, Polis Diraja Malaysia
- Hospital Bahagia Hulu Kinta, Perak
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- Institut Keusahawanan Belia Negara, Ipoh, Perak
- Institut Pengurusan Kesihatan
- Institut Kesihatan Umum
- Institut Kemahiran Islam Malaysia, Sarawak



Puan Musalmah A.Muiz, sedang memberikan khidmat nasihat dan perundingan di Institut Kemahiran Islam (JAKIM), Telaga Air, Sarawak.

- Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur
- Institut Latihan Perindustrian Pedas, Negeri Sembilan
- Institut Teknikal Jepun Malaysia Seberang Perai, Pulau Pinang
- Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
- Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan
- Kolej Matrikulasi Perlis
- Kolej Kejururawatan Alor Setar, Kedah
- Kolej Kejururawatan Masyarakat Serian, Sarawak
- Maktab Perguruan Tun Abdul Razak Kota Samarahan, Sarawak
- Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang
- Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat, Johor
- Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Mahang, Kedah

◆ **Badan Berkanun dan Swasta**

- Dewan Perniagaan Cina Malaysia
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- Majlis Olimpik Malaysia
- Negara Properties
- Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
- Pusat Belia Antarabangsa
- Pusat Latihan Keretapi Tanah Melayu Berhad

◆ **Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Khusus Bersama Penyelia Perpustakaan**

Mesyuarat diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada 22 Mac 2001. Seramai 75 Penyelia Perpustakaan menghadiri mesyuarat tersebut.



Peserta Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Bersama Pembantu Perpustakaan 2001

◆ **Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Bersama Pembantu Perpustakaan**

Mesyuarat diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada 19 April 2001. Seramai 163 Pembantu Perpustakaan menghadiri mesyuarat ini.

◆ **Mesyuarat Pengurusan Iktisas Perpustakaan Khusus**

Mesyuarat diadakan di Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 10 Mei 2001. Seramai 23 Pustakawan menghadiri mesyuarat ini.

◆ **Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Khusus Bersama Penolong Pegawai Perpustakaan**

Mesyuarat diadakan di Jabatan Muzium dan Antikuiti pada 21 Jun 2001. Seramai 46 Penolong Pegawai Perpustakaan menghadiri mesyuarat ini.

◆ **Pembentangan kertas kerja mengenai Perpustakaan Politeknik**

Bersempena dengan *Mesyuarat Pengarah Politeknik dengan Bahagian Pengurusan Politeknik, Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia* pada 26 Julai 2001 di Politeknik Kuching, Sarawak, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia memberikan taklimat mengenai Perpustakaan Negara Malaysia dan kertas Kerja bertajuk *Laporan Status Perpustakaan Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perakuan Perpustakaan Negara Malaysia bagi Membangunkan Perpustakaan Politeknik* telah dibentangkan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan, Perpustakaan Negara Malaysia. Pada mesyuarat tersebut seramai 26 orang terdiri daripada Pengarah Politeknik seluruh Malaysia dan pegawai kanan Bahagian Pengurusan Politeknik mengahdirinya.

◆ **Pembentangan kertas kerja mengenai Perpustakaan Kolej Matrikulasi**

Bersempena dengan *Mesyuarat Penyelarasan Dan Pemurniaan Drat Manual Prosedur Kerja Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia* pada 28 Oktober - 1 November 2001 di Tawau, Sabah, Pengarah Bahagian Pembangunan telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Menangani Cabaran Alaf Baru Pengurusan Perpustakaan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia*. Pada mesyuarat tersebut seramai 25 orang terdiri daripada Pengarah Kolej Matrikulasi, pegawai kanan Kolej Matrikulasi dan pegawai kanan Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia mengahdirinya

◆ **Mesyuarat Staf Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan Mengikut Zon**

Pada tahun 2001, tiga perjumpaan staf Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan mengikut zon telah diadakan. Objektif aktiviti ini adalah untuk menjalinkan Hubungan silaturrahim dan kerjasama antara staf Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan, bertukar-tukar fikiran dan meninjau permasalahan yang dihadapi oleh mereka, meningkatkan kefahaman tentang peraturan penjawat awam dan meningkatkan Pengetahuan mereka mengenai peranan dan hala tuju Perpustakaan Negara Malaysia.

◆ **Perjumpaan Zon Utara - Kursus Peningkatan Kualiti Khas Perpustakaan Negara Malaysia**

Perjumpaan diadakan di INTAN Wilayah Utara, Sungai Petani, Kedah pada 3-4 September 2001. Seramai 36 Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan menghadiri perjumpaan ini.

Perjumpaan Zon Selatan - Kursus Pembangunan Organisasi Perpustakaan Negara Malaysia

Perjumpaan diadakan di INTAN Wilayah Selatan, Kluang, Johor pada 1 - 2 Oktober 2001 dan dihadiri oleh 23 Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan.

Perjumpaan Zon Timur - Kursus Pembangunan Organisasi Perpustakaan Negara Malaysia -

Perjumpaan diadakan di INTAN Wilayah Timur, Kemaman, Terengganu pada 15- 16 Oktober 2001 dan dihadiri oleh 20 Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan.

◆ Garis Panduan Perpustakaan Khusus

Garis Panduan Perpustakaan Khusus dicetak dan diedarkan kepada semua Perpustakaan khusus di bawah skim gunasama untuk mendapatkan maklum balas sebelum dijadikan pekeliling am dan diguna pakai oleh Jabatan Kerajaan.

◆ Dasar Khidmat Nasihat dan Perundingan

Dasar Khidmat Nasihat dan Perundingan diluluskan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia pada 22 Jun 2001.

PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab untuk menyelaras serta menjalankan aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan Perpustakaan, kepustakawanan, perkhidmatan maklumat, Pembacaan dan literasi untuk menyokong Pembangunan Perpustakaan dalam negara.

Perkhidmatan penyelidikan juga menyediakan piawaian dan panduan Perpustakaan. Pada tahun 2001, sebanyak 11 dasar Jabatan berjaya dibukukan dan diedarkan kepada semua pegawai di Jabatan Perpustakaan Negara sebagai bahan rujukan dan panduan bagi pelaksanaan tugas Utama Perpustakaan Negara Malaysia.

◆ Statistik Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia telah mengumpul data statistik berkaitan dengan Perpustakaan di Malaysia bagi tahun 2000. Data statistik Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri telah diterbitkan dalam Buletin Perangkaan Sosial 2001 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia, Data statistik ini juga dimasukkan dalam Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2000.

Laporan statistik Perpustakaan Awam Negeri 1999, 2000 dan 2001 juga telah dikumpulkan seperti pada **Jadual XXI dan Jadual XIII**.

Jadual XII

BILANGAN PERPUSTAKAAN AWAM DI MALAYSIA MENGIKUT NEGERI 1999-2001

NEGERI	1999	2000	2001
Johor*	76	75	85
Kedah	67	70	70
Kelantan	17	15	15
Malaka	25	28	29
Negeri Sembilan	28	28	29
Pahang*	49	48	51
Perak*	52	59	51
Perlis	18	24	24
Penang	50	61	60
Sabah	82	79	80
Sarawak*	283	285	290
Selangor*	66	63	68
Terengganu	76	74	68
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	12	11	11
Wilayah Persekutuan Labuan	1	1	1
TOTAL	902	921	932

* Sumber: Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Majlis Perbandaran, 2001

PERATUS BILANGAN KEAHLIAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI/PERPUSTAKAAN NEGERI BERBANDING JUMLAH PENDUDUK MENGIKUT NEGERI 1999 - 2001

Jadual XIII

NEGERI	1999			2000			2001		
	BILANGAN PENDUDUK	KEAHLIAN PERPUSTAKAAN	%	BILANGAN PENDUDUK	KEAHLIAN PERPUSTAKAAN	%	BILANGAN PENDUDUK	KEAHLIAN PERPUSTAKAAN	%
JOHOR	2,670,700	127,003	4.76	2,731,500	129,746	4.75	2,783,800	179,854	6.46
KEDAH	1,579,800	184,509	11.68	1,605,200	290,943	18.13	1,689,600	219,422	12.98
KELANTAN	1,522,200	66,978	4.4	1,561,500	71,019	4.55	1,344,900	82,087	6.10
MELAKA	593,200	149,690	25.23	598,900	154,723	25.83	648,500	157,854	24.34
NEGERI SEMBILAN	836,500	130,883	15.65	849,800	139,186	16.38	878,500	158,355	18.02
PAHANG	1,291,500	45,690	3.54	11,319,100	41,486	3.15	1,319,300	66,966	5.07
PERAK	2,118,100	91,003	4.3	2,130,000	99,607	4.68	2,157,700	106,006	4.91
PERLIS	226,200	72,208	31.92	230,700	76,389	33.11	209,100	80,922	38.7
PULAU PINANG	1,246,800	90,712	7.28	1,259,400	116,540	9.25	1,337,400	142,197	10.6
SABAH	2,894,900	234,067	8.09	3,058,600	480,172	15.69	2,639,500	150,063	5.68
SARAWAK	2,027,100	442,746	21.84	2,064,900	343,904	16.65	2,119,000	258,451	12.19
SELANGOR	3,188,700	645,712	20.25	3,287,800	667,187	20.29	4,270,000	692,969	16.2
TERENGGANU	1,033,500	203,481	19.69	1,064,000	238,226	22.39	919,300	250,845	27.28
WILAYAH PERSEKUTUAN									
KUALA LUMPUR	1,407,200	68,075	4.84	1,423,900	75,732	5.32	1,401,400	82,817	5.9
LABUAN	75,500	3,957	5.24	78,200	8,010	10.21	77,300	9,508	12.3
JUMLAH	22,711,900	2,556,714	11.26	23,263,500	2,932,870	12.61	23,795,300	2,638,316	11.08

* Sumber: Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Majlis Tempatan, 2001

PERKHIDMATAN SOKONGAN

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan. Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah dengan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah. Pengarah Perkhidmatan Sokongan, 11 Pengarah Bahagian, 4 Ketua Bahagian dan Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada 2 program, iaitu Program Perkhidmatan Sokongan dan Program Pembangunan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat. Program Perkhidmatan Sokongan dan Program Pembangunan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah. Di bawah Program Perkhidmatan Sokongan, terdapat satu aktiviti, iaitu Aktiviti Pentadbiran dan Sumber Manusia yang diketuai oleh Pengarah Perkhidmatan Sokongan. Di bawah Program Pembangunan Perpustakaan dan Perkhidmatan Maklumat pula terdapat 2 aktiviti, iaitu Aktiviti Pembangunan Perpustakaan yang diketuai oleh Pengarah Pusat Penyerahan Negara dan Aktiviti Perkhidmatan Maklumat yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Rujukan Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 15 subaktiviti yang dikenal sebagai bahagian. Terdapat 15 bahagian di Jabatan ini dan tiap-tiap bahagian ini diketuai oleh Pengarah Bahagian atau Ketua Bahagian. Bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi ke arah mencapai objektif Perpustakaan Negara Malaysia.



Bahagian Pentadbiran dan Kewangan menjalankan 5 fungsi Utama, iaitu:

- *Pentadbiran Jabatan*
- *Perkhidmatan dan Personel*
- *Kewangan*
- *Penyelenggaraan Bangunan dan Keselamatan Jabatan*

■ Pentadbiran

Fungsi utama Bahagian Pentadbiran dan Kewangan adalah menguruskan Pentadbiran Jabatan. Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan kenderaan Jabatan, kantin, kedai buku dan sebagainya.

Bahagian ini juga menjadi urus setia kepada beberapa aktiviti penting Jabatan seperti;

- *Anugerah Perkhidmatan Cemerlang*
- *Hari Kualiti*
- *Perhimpunan Bulanan*
- *Sambutan Maal Hijrah*

■ Perjawatan dan Personel

Pada tahun 2001, PNM mempunyai 284 jawatan yang diisi. Pembahagian jawatan adalah seperti di bawah ini.

Jadual XIV

Kumpulan	Jawatan	Pengisian
Pengurusan Tertinggi	1	1
Pengurusan dan Profesional	77	62
Sokongan	233	221
JUMLAH	311	284

Perkhidmatan Utama di Perpustakaan Negara Malaysia ialah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan dengan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Ketua Perkhidmatan. Jabatan ini juga dibantu oleh pegawai dari Perkhidmatan Gunasama Jabatan Perkhidmatan Awam, Perkhidmatan Gunasama Akauntan Negara dan Perkhidmatan Gunasama Kementerian Penerangan.

Di bawah Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan Negara terdapat 4 skim perkhidmatan, iaitu:

- *Pustakawan*
- *Pegawai Perpustakaan (Khas untuk Penyandang)*
- *Penolong Pegawai Perpustakaan*
- *Pembantu Perpustakaan*

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab menguruskan pelantikan (bagi jawatan tertentu), penempatan dan pertukaran, pengesahan dalam jawatan dan pengesahan taraf berpecen, kenaikan pangkat, pergerakan gaji tahunan, urusan tatatertib dan persaraan.

Perpustakaan Negara Malaysia juga menempatkan pegawai dalam Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah pegawai yang ditempatkan di Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah seperti yang berikut:

Jadual V

Jawatan	Bilangan
Pustakawan	58
Pegawai Perpustakaan	14
Penolong Pegawai Perpustakaan	47
Pembantu Perpustakaan	340
JUMLAH	459

Bagi jawatan Kader Perpustakaan Negara Malaysia, Jabatan ini hanya menguruskan penempatan, pertukaran, pelepasan jawatan dan kenaikan pangkat sahaja manakala urusan perkhidmatan yang lain diuruskan sendiri oleh agensi berkenaan.

■ **Kewangan**

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia adalah Pegawai Pengawal. Pada tahun 2001, Perpustakaan Negara Malaysia diperuntukkan wang berjumlah RM27,558,200.00 untuk belanja mengurus. Perpustakaan Negara Malaysia telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM27,355,952.78 dengan peratus perbelanjaan 99.27%. Peruntukan ini diagih-agihkan kepada bahagian dan Pengarah serta Ketua Bahagian yang bertanggungjawab mengurus peruntukan tersebut dengan diselia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Pindaan 1987). Perpustakaan Negara Malaysia juga mempunyai 4 akaun amanah, iaitu:

- Akaun Amanah Manuskrip Melayu
- Akaun Amanah Projek Kemasyarakatan
- Akaun Amanah Pembekalan Penerbitan dan
- Akaun Amanah Penyelidikan dan Latihan

■ **Penyelenggaraan Bangunan**

Penyelenggaraan bangunan ini dijalankan oleh sebuah Syarikat swasta, iaitu Pensera Sdn. Bhd yang dilantik secara kontrak. Kerja-kerja yang dijalankan oleh Syarikat tersebut ialah:

- menyelenggarakan bangunan termasuk dari segi sistem sivil, sistem mekanikal dan sistem elektrik
- pembersihan di dalam bangunan dan
- kebersihan kawasan dan landskap

Sepanjang tahun 2001, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja utama penyelenggaraan, iaitu memperbaiki bangunan, mengindahkan kawasan dan meningkatkan landskap. Jabatan juga telah menambahbaikkan kemudahan untuk staf dan pengguna Perpustakaan.

■ **Keselamatan Jabatan**

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan adalah urus setia Jawatankuasa Keselamatan Jabatan. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah. Jabatan telah menubuhkan 3 Jawatankuasa lain yang terletak di bawah Jawatankuasa Keselamatan Jabatan. Jawatankuasa tersebut adalah seperti yang berikut;

- Jawatankuasa Bomba
- Jawatankuasa Pelan Kontingensi
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas

Urusan kawalan keselamatan bangunan dan kawasan sekitarnya diberikan kepada Syarikat swasta. Pada masa sekarang Syarikat Realforce Security Services Sdn Bhd diberikan kontrak mengendalikan kawalan keselamatan di bangunan Jabatan ini.

■ **SISPEN**

SISPEN adalah *Sistem Pengurusan Personel Jabatan*. Sistem ini rngeandungi beberapa modul yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan dan latihan/kursus personel Jabatan. Sistem ini diwujudkan semenjak 1998 dan berjaya dilengkapkan pada tahun 2000. Kelewatan melengkapkan SISPEN ini berpunca daripada pengubahsuaian sistem perisian.

PROGRAM KUALITI

■ **Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia 2001**

Hari Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Ambrin bin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia pada 9 November 2001. Tujuan Hari Kualiti tersebut diadakan adalah untuk menghayati dan mengukuhkan lagi nilai budaya kerja yang berkualiti di samping memperbaharui azam dan semangat bekerja pegawai dan staf Perpustakaan Negara Malaysia.



Puan Carole Ann Goon, Pengarah Bahagian Terbitan Bersiri sedang menerima sijil penghargaan bagi MS ISO 9002 daripada Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama Wakil Pengurusan dan Ahli jawatankuasa MS ISO 9002



Y. Bhg. Dato' Haji Ambrin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melayari Laman web Perpustakaan Negara Malaysia.

Sempena dengan Hari Kualiti, tema Hari Kualiti yang bertajuk " *Khidmat Berkualiti Kejayaan Pasti*" yang diilhamkan oleh Puan Kamariah binti Abd. Rashid, Pembantu Perpustakaan Gred S7 dari Bahagian Pembangunan telah dipilih sebagai pemenang.

■ Penandaarasan dengan Perpustakaan Negara Australia (NLA)

Perpustakaan Negara Malaysia telah dijemput oleh Perpustakaan Negara Australia untuk menyertai kajian penandaarasan yang dijalankan oleh institusi tersebut. Sebanyak 21 Perpustakaan dari dalam dan luar Australia telah dipelawa untuk menyertai *Benchmarking Survey NLA*. Jabatan telah mengumpul dan merakamkan data dan maklumat berkaitan dengan prestasi proses kerja utama Perpustakaan Negara termasuk perkhidmatan rujukan, bilik stek, pendokumentasian, koleksi khas dan Pemuliharaan. Sebanyak lapan Bahagian PNM terlibat dalam kajian penandaarasan NLA.

NLA sedang dalam proses menganalisis maklum balas yang diterima dan satu laporan akan diedarkan kepada semua Perpustakaan yang menyertai *Benchmarking Survey NLA* apabila laporan tersebut siap kelak.



Puan Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia mengadakan perbincangan mengenai penandaarasan dengan pegawai kanan Perpustakaan Negara Australia,

Puan Zawiyah bt Baba, Ketua Pengarah PNM telah membuat lawatan penandaarasan ke NLA pada 2 hingga 7 Disember 2001. Beliau telah mengadakan perbincangan dengan pasukan penandaarasan NLA serta diberi taklimat dan lawatan berpandu ke Bahagian NLA dan projek khas NLA. Lawatan penandaarasan ini memberikan pendedahan dan banyak Pengetahuan serta idea mengenai perkhidmatan serta Pembangunan Perpustakaan negara di Australia.

■ Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia 2001

Sambutan Minggu Q diadakan oleh Jabatan dari 9 hingga 16 November 2001. Minggu Kualiti Perpustakaan Negara Malaysia dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Ambrin bin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia pada 9 November 2001. Seramai 118 warga PNM dan 6 orang jemputan luar dari Perpustakaan Gunasama telah hadir.



Y. Bhg. Dato' Haji Ambrin Buang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menyampaikan hadiah kepada pemenang mencipta Slogan Minggu Kualiti.

Pembacaan *Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam* dipimpin oleh Tuan Haji Mohd. Din bin Ahmad. Pada majlis ini juga, Puan Zawiyah bt Baba, Pemangku Ketua Pengarah PNM menyampaikan cenderamata kepada 20 warga PNM yang telah berkhidmat selama 25 tahun ke atas dan warga bersara.

◆ Peraduan Mencipta Slogan Q

Aktiviti Peraduan Mencipta Slogan Q ini bertujuan untuk mencungkil idea dan pendapat yang bernas daripada warga PNM untuk mencipta slogan Q yang akan diterapkan sebagai budaya kerja.

Pertandingan dimulakan pada 1 September 2001 dan berakhir pada 29 September 2001. Sebanyak 58 slogan telah diterima daripada 22 penyertaan warga PNM.

Slogan Q yang bertajuk *Khidmat Berkualiti Kejayaan Pasti* yang diilhamkan oleh Puan Kamariah Abdul Rashid dari Bahagian Pembangunan telah dipilih sebagai slogan yang terbaik bagi tahun 2001.

◆ Anugerah inovasi Perkhidmatan Awam

Aktiviti Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada warga PNM ke arah peningkatan Pengurusan dan perkhidmatan Perpustakaan dan menggalakkan kreativiti di kalangan warga PNM.

Sebanyak 6 Bahagian telah mengemukakan inovasi masing-masing. Pemenang pertama bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam ialah Bahagian Rujukan Malaysia dengan inovasi yang bertajuk *Pameran Maya yang Pertama*. Pemenang Kedua ialah Bahagian Rujukan Umum dengan inovasi yang bertajuk *Direktori Laman*

Web dan Agensi Kerajaan di Malaysia manakala Pemenang Ketiga ialah Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi dengan inovasi yang bertajuk *Pembaikan Manuskrip Melayu menggunakan Mesin Mad Roll Tissue*.

◆ **Ceramah Q**

Objektif aktiviti ini adalah untuk mendedahkan peserta kepada pemikiran berkualiti dan keperluannya serta memperkenalkan peserta kepada cara berfikir yang berkualiti bagi kegunaan peribadi dan organisasi. Ceramah Q ini dihadiri oleh 30 orang yang terdiri daripada Pengarah, Pustakawan dan Penolong Pegawai Perpustakaan.

◆ **Bicara Video Q**

Sebanyak dua sesi telah diadakan. Satu sesi untuk pustakawan diadakan pada 12 November 2001 dan satu lagi untuk pembantu perpustakaan. Bicara Video Q ini bertujuan untuk mengadakan perbincangan dengan semua pustakawan dan pembantu perpustakaan mengenai perkhidmatan pelanggan ke arah perkhidmatan kaunter yang berkesan. Aktiviti ini juga bertujuan untuk mendapatkan idea dan pandangan daripada semua pustakawan dan pembantu perpustakaan mengenai kandungan video yang ditayangkan ke arah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pembaca. Video yang ditayangkan ialah *Quality: The Big, Picture* dan *Quality Customer Service*.

◆ **Wacana Kumpulan Sasaran**

Aktiviti ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas dan pandangan pengguna mengenai kualiti perkhidmatan perpustakaan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan juga mendedahkan kepada pengguna setiap aktiviti dan kemudahan yang disediakan oleh PNM.

Wacana Kumpulan Sasaran ini diadakan pada 16 November 2001 di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 5, Perpustakaan Negara Malaysia. Peserta wacana ini terdiri daripada 9 orang ahli berdaftar PNM. Satu jadual wacana yang mengandungi 10 soalan mengenai isu seperti pembukaan perpustakaan pada cuti Sabtu Pertama dan Ketiga, perkhidmatan pendaftaran ahli dan perkhidmatan salinan foto telah dibincangkan.

◆ **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2000**

Pada tahun 2001, seramai 14 orang pegawai Jabatan ini dipilin menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2000. Seramai 6 orang menerima anugerah pergerakan gaji kategori melintang dan 9 orang menerima anugerah pergerakan gaji kategori menegak. Senarai Penerima pergerakan gaji adalah seperti yang berikut;



Tuan Haji Mohd. Din Ahmad menerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2000 daripada Cik Shahr Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Kategori Melintang	Kategori Menegak
Siti Aishah bt. Sheikh Kadir	Norizan bt. Osman
Mohd Din bin Ahmad	Yatimah bt. Yaakub
Ku Hafsah bt Ku Majid	Noraini Noran bt. Abdullah
Patimah bt. Abdul Rahman	Suharti bt. Yusof
Kamariah bt. Abd. Rashid	Rosnawati bt. Omar
Jahardi bin Anjang Ahmad	Puziah bt. Malek
	Sayani bt. Ismail
	Ab. Aziz bin Abdul Khaled
	Mohd Kamal bin Shahrudin



Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang 2001 bergambar bersama Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah Perkhidmatan Sokongan dan Setiausaha Bahagian Pentadbiran.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

■ **Latihan dan Lawatan**

Program Pembangunan Sumber Manusia Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab menyediakan program latihan bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan semua warga Perpustakaan Negara Malaysia serta staf di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan. Program ini termasuk pengendalian kursus dan bengkel, penghantaran pegawai untuk mengikuti kursus di dalam dan di luar negara serta



Peserta Bengkel Pembacaan Melalui Wayang kulit.

lawatan sambil belajar dan penempatan pegawai di pelbagai institusi untuk menambah dan meluaskan pengalaman mereka.

■ Kursus/Bengkel bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Sepanjang tahun 2001, sebanyak 11 kursus/bengkel telah dikendalikan untuk warga Perpustakaan Negara Malaysia bagi kumpulan Pengurusan dan profesional. Kursus/bengkel yang diadakan adalah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama beberapa institusi luar, kerajaan dan swasta termasuk Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kursus yang ditawarkan merangkumi pelbagai bidang seperti



Peserta Kursus Pengurusan Tauhidik.



Puan Siti Zakiah Aman, Pengarah Bahagian Rujukan Malaysiana bersama para jemputan dalam Majlis Wacana Jatidiri Belia Merdeka.

komunikasi, Pengurusan kewangan. Pengurusan masa, Pembangunan diri, penggunaan teknologi maklumat dan keselamatan. Seramai 223 pegawai ikhtisas telah menyertai program latihan berkenaan.

■ Kursus/Bengkel bagi Kumpulan Sokongan

Bagi Kumpulan Sokongan pula, sebanyak 17 kursus/bengkel telah diadakan pada tahun 2001 yang merangkumi bidang seperti motivasi, komunikasi

berkesan, perkhidmatan kaunter, sistem komputer dan kursus induksi. Seramai 438 peserta telah menyertai kursus/bengkel tersebut.

■ Ceramah Ikhtisas/Ceramah Khas

Perpustakaan Negara Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan tahap Pengetahuan dan ilmu yang berkaitan dengan bidang kepustakawanan, terutamanya isu semasa seperti Pembangunan kandungan digital tempatan, pelan strategik PNM, pelaksanaan Penilaian program dalam sektor awam dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, sebanyak 9 ceramah ikhtisas/khas yang dihadiri oleh 578 orang telah diadakan sepanjang tahun 2001.

■ Kursus/Seminar/Bengkel Luar Jabatan

Pada tahun 2001, Perpustakaan Negara Malaysia menghantar 184 peserta untuk mengikuti kursus/bengkel, oersidangar dan ceramah yang dianjurkan oleh institusi kerajaan dan swasta yang merangkumi pelbagai aspek yang oerkaitan dengan Pengurusan berkualiti, sistem komputer, komunikasi, literasi, teknologi maklumat dan sebagainya. Selain itu, seramai 31 pegawai juga berpeluang mengikuti kursus dan Persidangan di luar negara.

■ Latihan Praktikal dan Penempatan di Perpustakaan Negara Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia menerima 6 pegawai dan dalam dan luar negara untuk mengikuti latihan praktikal dan penempatan. Mereka adalah dari Universiti Islam Antarabangsa, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Kuala Lumpur, IFLA/ALP Scholarships Attachments dan Universti Yarmuk, Jordan.

■ Program Kerjasama Teknik Malaysia

Sejak tahun 1985 Perpustakaan Negara Malaysia telah mengendalikan dua kursus di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia bagi sektor Perpustakaan, iaitu *Basic Course For Library Assistants* pada 6-25 Ogos 2001 (16 orang) dan *Library Visits/Attachments* pada 3-22 September 2001 (11 orang),

Bagi *Basic Course for Library Assistants*, pesertanya terdiri daripada warga dari negara Bangladesh, Brunei Darussalam, Cambodia, Eriteria, Kepulauan Fiji, Indonesia, Kazakhstan, Seychelles, Vietnam dan Malaysia.

Bagi kursus *Library Visits/Attachments* pesertanya pula terdiri daripada pegawai ikhtisas dari Algeria, Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Iraq, Mongolia, Peru, Sri Lanka dan Malaysia.

Kursus ini bertujuan memberikan pendedahan mengenai Pengurusan pelbagai Perpustakaan dan jenis perkhidmatan Perpustakaan di Malaysia bagi peringkat ikhtisas.

■ Peperiksaan Perkhidmatan

Pada tahun 2001, 4 peperiksaan perkhidmatan bagi kumpulan sokongan telah diadakan untuk tujuan pengesahan dalam jawatan dan juga kenaikan pangkat. Seramai 244 calon menduduki peperiksaan berikut:-

- Ujian Kederasan Menaip (untuk hadiah kenaikan) bagi Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Bil. 1/2001 pada 22 Mei 2001.
- Ujian Menaip (Kederasan 18 psm) bagi Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N9 Bil. 2/2001 pada 25 September 2001.
- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Perpustakaan, Gred S7 Bil, 1/2001 pada 12-13 November 2001.
- Peperiksaan Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S5 pada 12 November 2001.
- Peperiksaan Khas untuk Kenaikan Pangkat Secara Lantikan ke Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S5 pada 13 November 2001.

PENDIDIKAN PENGGUNA

■ Perkhidmatan Pendidikan Pengguna

Perkhidmatan ini disediakan untuk menggalakkan literasi maklumat, iaitu kebolehan mengesan dan menggunakan maklumat di kalangan pembaca. Sepanjang tahun 2001, sebanyak 12 sesi pendidikan pengguna secara berjadual telah diadakan untuk 204 peserta yang terdiri daripada murid-murid sekolah menengah di sekitar Kuala Lumpur. Tiga daripada Sesi Pendidikan Pengguna ini, iaitu *Bengkel Meneroka E-Maklumat* diadakan dalam Bulan Membaca Kebangsaan 2001 (Julai).

■ Kursus Kumpulan Pengguna CDS/ISIS

Pada tahun 2001, Bahagian Teknologi Perpustakaan dan Maklumat mengedarkan perisian CDS/ISIS kepada 27 buah institusi yang memohon. Selain itu, seorang pegawai dan bahagian ini telah dihantar ke Bangkok untuk menghadiri bengkel anjuran UNESCO, iaitu *Workshop of WINISIS-AIT* pada 19-23 November 2001. Tujuan bengkel ini adalah untuk melatih peserta menjadi tenaga pengajar bagi perisian WINISIS. Bengkel ini dihadiri oleh 15 pelatih dari 14 buah negara.



Pembaca Perpustakaan Negara Malaysia sedang mendengar penerangan mengenai Perpustakaan Negara Malaysia semasa Hari Mesra Pelanggan.

PROMOSI

Bahagian Hal Ehwal Korporat meneruskan agenda tahun 2001 dengan usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna mengenai kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Pelbagai kempen promosi dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan dengan kejasama institusi luar seperti mengadakan kempen membaca, pameran, seminar, penyerahan bahan bacaan, penulisan mengenai Perpustakaan dalam media cetak dan temu ramah dalam media elektronik.

Usaha seperti ini menunjukkan kesan positif. Ini dapat dilihat melalui lawatan yang bertambah dari dalam dan luar negara ke Perpustakaan Negara Malaysia,

■ Pameran

Pada tahun 2001, Perpustakaan Negara Malaysia sekali lagi telah berjaya mengadakan berbagai-bagai pameran, sama ada di peringkat Jabatan atau dengan kerjasama institusi luar. Sebanyak 7 pameran berjaya diadakan di Dewan Pameran Perpustakaan Negara Malaysia.

Pameran tersebut bukan sahaja untuk mempromosikan koleksi, khidmat maklumat dan Kemudahan Perpustakaan tetapi juga untuk mewujudkan kesedaran dan meluaskan Pengetahuan orang ramai melalui isu atau topik yang dipamerkan. Pameran yang diadakan itu adalah seperti yang berikut:



Lawatan ke Pusat Penyerahan Negara oleh pembaca Perpustakaan Negara Malaysia semasa Hari Mesra Pelanggan.

PAMERAN 2001

TARIKH	NAMA PAMERAN	ANJURAN
18-30 April 2001	Pameran Kartun Tanah Air Malaysia (PEKARTUN)	Persatuan Kartun Malaysia (PEKARTUN) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia
12-31 Mei 2001	Jaminan Kualiti : Pengalaman Perpustakaan di Malaysia	Perpustakaan Negara Malaysia
12-25 Jun 2001	Pameran Cartography of the West - East Resource	Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Malacca Historical Resource Group dibantu oleh The Orient Foundation and The Portuguese Institute of the Orient
16 Julai - 31 Ogos 2001	Pameran Terbitan Sains dan Teknologi	Perpustakaan Negara Malaysia
30 Ogos - 30 September 2001	Membaca Merdekakan Minda	Perpustakaan Negara Malaysia
8-31 Oktober 2001	Pameran Warkah Tulus Ikhlas: Yang Tersurat dan Tersirat	Perpustakaan Negara Malaysia
9-16 November 2001	Pameran Q: Komitmen Teguh Kualiti Utuh	Perpustakaan Negara Malaysia



Puan Norpishah Mohd. Noor menerima cenderamata daripada Tuan Haji Zainal Buang Hussien, President PEKARTUN Malaysia.



Majlis Perasmian Pameran Kartun Tanah Air



Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melawat Pameran MS ISO 9002



Puan Zawiyah Baba, Pemangku Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Pameran bersama Pemenang Kuiz Pameran Hari Kualiti

LAWATAN

Seramai 4,261 pelawat mengunjungi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sepanjang tahun 2001.

Antara pelawat istimewa ialah Prof. Miao, Timbalan Pengarah Perpustakaan Shanghai dan Ms. Jan Fullerton, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Australia.

PNM juga menerima rombongan dari pelbagai institusi termasuk Maktab Perguruan, pusat latihan, ahli PUSPANITA. Perbadanan Perpustakaan awam, kolej, hospital dan badan bukan kerajaan.

LIPUTAN MEDIA MASSA

Sepanjang tahun 2001, Perpustakaan Negara Malaysia telah mendapat 189 liputan media cetak dan elektronik dalam semua bahasa. Liputan yang dibuat adalah mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, pameran, seminar dan bengkel yang dianjurkan, program kempen membaca, majlis pelancaran buku, sumbangan buku dan pelbagai majlis Perasmian.

PELAWAT KHAS PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA PADA TAHUN 2001

TARIKH	NAMA PELAWAT	JENIS INSTITUSI / ORGANISASI
10 Februari 2001	Peserta Kursus	Arkib Negara Malaysia
19 Februari 2001	Kakitangan	Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM)
27 Februari 2001	Kakitangan	Bahagian Khidmat Pelanggan Menara Kuala Lumpur Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd.
27 Februari 2001	Kathryn Johnson Khoo Gaik Sim Seto Kit Sau	The British Council, Kuala Lumpur
2 Mac 2001	Puan Sri Urn Kok Wing	Institut Lim Kok Wing, Kuala Lumpur
11 April 2001	Redzuan Tumin, Pengarah Maimunah Mohd Said Zaitun Kamrin Virod Daniel Robyn Slasset	Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia dan pelawat dari Ausheritage, Australia
25 April 2001	Prof. Miao Timbalan Pengarah	Perpustakaan Shanghai, China
14 Mei 2001	Dr, Tan Chin Nam Setiausaha Tetap (Tenaga Manusia) Menteri Tenaga Manusia dan Pengerusi Dr. Christopher Chia Ketua Eksekutif Mr. R. Ramachandran Penolong Ketua Eksekutif Ms. Jennifer Yin Pengarah Komuniti dan Perhubungan Antarabangsa Mrs. Fatimah Sulaiman Pengurus Kanan Perkhidmatan Perpustakaan	Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura

TARIKH	NAMA PELAWAT	JENIS INSTITUSI / ORGANISASI
29 Mei 2001	Mr. William P. Tuchrelio	Perpustakaan Kongres, Jakarta Pengarah Luar
01 Jun 2001	Norkhayati Md Samad Pustakawan Cik Sharifah Muzmah Pustakawan	Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura
12 Jun 2001	En. Vladimir Chernenko	Rusia
13 Jun 2001	Profesor Pn. Shalini R.Urs Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat	Universiti Mysore, India
22 Jun 2001	Tan San San & Kumpulan Reader's Digest	Kumpulan Reader's Digest
12 Julai 2001	Ms. Jan Fullerton Ketua Pengarah	Perpustakaan Negara Australia
17 Julai 2001	Peserta Kursus Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP)	Institut Tadbiran Awam Negara (Bukit Kiara)
24 Julai 2001	Mr Xia Hai Jurutera Kanan Mr. Ying Hao Pustakawan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Sistem Komputer dan Pusat Rangkaian Perpustakaan Shanghai Mr. Jin Xiao Ming, Pustakawan, Institut Perpustakaan, Sains dan Sains Maklumat, Perpustakaan Shanghai	Perpustakaan Shanghai, China
01 Ogos 2001	Pelajar dari Universiti Sultan Qaboos, Kesultanan Oman	Universiti Sultan Qaboos, Kesultanan Oman
27 Ogos 2001	En. Mustata Gouverneur Pengurus Besar	Traditional Cairo, Al-Maadi, Kaherah, Mesir
28 Ogos 2001	Persatuan Bekas Pelajar	Universiti Wales, Aberystwth
30 Ogos 2001	YB. Dato' Mahadzir Mohd Khir Setiausaha Parlimen	Kementerian Pendidikan Malaysia
13 September 2001	Rombongan Pustakawan Filipina	Persatuan Pustakawan Filipina
14 September 2001	En. Muhammad Ramzan, Ketua Pustakawan	Universiti Lahore

TARIKH	NAMA PELAWAT	JENIS INSTITUSI / ORGANISASI
26 September 2001	Peserta Antarabangsa Kursus Pengurusan Strategik	Institut Tadbiran Awam Intan Negara (INTAN)
18 Oktober 2001	Y.B. Senator Datuk Zainuddin Maidin Setiausaha Parlimen	Kementerian Penerangan Malaysia
09 November 2001	Y.Bhg. Dato' Hj. Ambrin bin Buang Ketua Setiausaha	Kementerian Pendidikan Malaysia



Lawatan Mr. W. Tuchrello dari Perpustakaan Kongres, Jakarta



Puan Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama Mr, Vlapimir Chernenko dari Russia



Lawatan oleh Profesor Puan Shalini R. Urs dari Jabatan Perpustakaan dan Sains Maklumat, Universiti Mysore, India



Lawatan oleh Ms. Jan Fullerton, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Australia ke Perpustakaan Negara Malaysia



Puan Rihanun Md. Samin sedang memberikan penerangan kepada para peserta MTCP INTAN, Bukit Kiara



Puan Zawiyah Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bersama peserta rombongan Persatuan Perpustakaan Filipino

KERJASAMA PERPUSTAKAAN

PERINGKAT KEBANGSAAN

■ Kerjasama Kelab Harvard dan Perpustakaan Negara Malaysia

Koleksi Sudut Harvard merupakan hasil sumbangan Kelab Harvard Malaysia kepada Perpustakaan Negara Malaysia sejak Julai 2000. Koleksi ini terletak di Aras 4, Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah koleksi sehingga kini ialah 388 naskhah monograf, 24 judul terbitan bersiri dan 13 judul bahan sumber media. Kebanyakan bahan koleksi ini merangkumi bidang pemiagaan dan Pengurusan. Sudut ini sering dikunjungi pengguna dan penyelidik perpustakaan dan penggunaanya amat menggalakkan.

■ Kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia merupakan persatuan ikhtisas yang dianggotai oleh kumpulan pegawai ikhtisas dan institusi yang terlibat dalam profesion kepustakawanan. Pada Mesyuarat Agong Tahunan PPM 2000/2001 yang diadakan pada 14 April 2001, Puan Zawiyah binti Baba, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah dipilih dan dilantik sebagai Yang DiPertua PPM bagi tempoh 2001/2003 manakala Puan Chin Loy Jyoon telah dipilih sebagai Bendahari Kehormat dan Puan Siti Zakiah Aman sebagai Ahli Majlis. Selain itu, Cik Nafisah binti Ahmad telah dilantik sebagai Setiausaha Kehormat dan Puan Hashimah binti Yusof sebagai Penolong Setiausaha Kehormat. Perpustakaan Negara Malaysia telah menyediakan satu ruang pejabat untuk kegunaan PPM sebagai Pejabat Sekretariat. Sepanjang tahun 2001, beberapa aktiviti seperti seminar, ceramah dan bengkel telah dianjurkan dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia. Antaranya ialah *Seminar Literasi Maklumat* yang diadakan pada 6 Ogos 2001.

■ Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat, Persatuan Pustakawan Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat Persatuan Pustakawan Malaysia bagi tahun 1999/2001 Jabatan diwakili oleh Encik Zahuddin Sidek dari Bahagian Teknologi Perpustakaan & Maklumat. Encik Zahuddin terlibat dalam pengemaskinian laman web Persatuan Pustakawan Malaysia.

■ Jawatankuasa Kecil Mikroform (SCOM)

Jawatankuasa ini merupakan Jawatankuasa kecil di bawah *Joint Standing Committee on Bibliographic Services and Library Cooperation (BILCO)*, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). Ia merupakan satu jalinan kerjasama dalam projek mikroform bagi bahan Perpustakaan, terutama surat khabar tempatan antara 10 insititusi yang terlibat. Ahli institusi terdiri daripada Jabatan Arkib Negara, Arkib Negeri Sabah, Dewan

Bahasa dan Pustaka, Muzium Sarawak, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia, Perpustakaan Universiti Utara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia. Jawatankuasa dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pemuliharaan dan Reprografi, Perpustakaan Negara Malaysia malah Perpustakaan Negara Malaysia menjadi urus setia Jawatankuasa ini.

Jawatankuasa mengadakan mesyuarat pada 12 Mac 2001 yang antara lain membincangkan Penerbitan *Katalog Induk Mikrofilem Surat Khabar Perpustakaan/Institusi di Malaysia*. Katalog ini dijangka akan diterbitkan pada awal tahun 2002 dan akan dirangkaikan kepada Laman Web Persatuan Pustakawan Malaysia. Jawatankuasa ini juga telah menyediakan *Senarai Peralatan untuk Proses Mikroform* yang terdapat di institusi dan diedarkan kepada ahli.

■ Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM)

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai majlis ini dan terlibat dalam pengendalian aktiviti Pesta Buku Antarabangsa 2001. Puan Siti Aishah binti Sheikh Abdul Kadir, Pengarah Bahagian Gerakan Membaca, Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Jawatankuasa Pesta Buku Kuala Lumpur Antarabangsa 2001.

■ Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia. Jawatankuasa Perpustakaan dan Teknologi Maklumat, Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia mengadakan mesyuarat pada 12 Mac 2001 dan 8 September 2001 di ibu pejabatnya di Kuala Lumpur. Mesyuarat ini membincangkan usaha menghasilkan buku Braille untuk kanak-kanak tahap 1 dan 2 dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan semakan kod Braille Melayu.

Pada 25 Ogos 2001, Jawatankuasa Perpustakaan dan Teknologi Maklumat, Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia mengadakan karnival Braille MAB 2001 di Dewan Besar, Kompleks MAB, Brickfields, Kuala Lumpur. Antara aktiviti yang dijalankan ialah:

- Peraduan Membaca
- Peraduan Mengarang
- Peraduan Menulis Rencana
- Peraduan Bercerita

Peraduan tersebut diadakan bagi 1 kategori sahaja, iaitu peringkat dewasa. Puan Siti Aishah Sheik Kadir, Pengarah Bahagian Gerakan Membaca, Perpustakaan Negara Malaysia menjadi hakim bagi peraduan bercerita.

■ Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK)

Jawatankuasa ini dianggotai oleh Perpustakaan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA; Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sarawak; Perpustakaan Kementerian Penerangan, Kementerian Pertanian, Jabatan Perdana Menteri, Dewan Bahasa dan Pustaka; Perpustakaan Penyelidikan Tuan Haji Mohd Fuad Stephens dan Fakulti Pengajian Maklumat Universiti Teknologi MARA. Wakil Perpustakaan Negara merupakan Pengerusi bagi Jawatankuasa Katalog dan Klasifikasi Kebangsaan (JKKK).

Pada tahun 2001, Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pada 24 April 2001 untuk memantau kemajuan projek pengkatalogan dan klasifikasi yang dijalankan, di samping mengenai pasti beberapa projek dan aktiviti baru. Satu bengkel iaitu *Workshop on Metadata* diadakan pada 15 dan 16 Oktober 2001 untuk pengkatalog dari institusi ahli JKKK. Bengkel ini dikendalikan oleh Prof. Dr. Shalini R. Urs, dari Jabatan Sains Perpustakaan dan Maklumat, Universiti Mysore, India.

■ Jawatankuasa Data Dictionary Sektor Awam

Perpustakaan Negara Malaysia menganggotai Jawatankuasa *Data Dictionary* Sektor Awam. MAMPU menjadi urus setia Jawatankuasa ini sejak tahun 2000. Jabatan diwakili oleh Cik Nafisah Ahmad, Pengarah Bahagian Khidmat Teknik. Objektif Jawatankuasa ini adalah untuk mewujudkan piawaian *data dictionary* bagi sektor awam dalam memudahkan komunikasi antara pengguna aplikasi yang berkaitan serta membantu melaksanakan sistem maklumat bersepadu. Perpustakaan Negara Malaysia juga menganggotai Kumpulan Kerja *Data Generic* yang bertanggungjawab menentukan piawaian bagi struktur data dan kod untuk elemen data generik, iaitu data yang lazim digunakan Oleh agensi sektor awam dalam sistem aplikasi yang berlainan seperti biodata peribadi dan maklumat mengenai kerajaan (kementerian, Jabatan dan lain-lain).

■ Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN)

Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara (PERPUN) mengadakan tiga mesyuarat pada tahun 2001, iaitu pada 15 Januari 2001 di Universiti Sains Malaysia, Cawangan Kelantan, pada 14 Mei 2001 di Perpustakaan Negara Malaysia dan pada 6 September 2001 di Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia.

Perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat pertama PERPUN meliputi:

- Perpustakaan Digital Multimedia
- Sistem PERDANA
- Piawaian untuk Perpustakaan Universiti dan Kolej Swasta

Mesyuarat kedua PERPUN dipengerusikan oleh Cik Shahar Banun Jaafar Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat kedua termasuk:

- Pengurusan Pengetahuan
- Penerbitan Jurnal ulasan buku
- Gaji Pustakawan
- Penubuhan Konsortium Universiti
- Program Buku Kegemaran Saya.

Dalam mesyuarat ini, 4 Institusi Pengajian Tinggi Awam yang baru akan dijemput menghadiri mesyuarat PERPUN yang akan datang. Institusi tersebut ialah:

- Kolej Universiti Tun Hussein Onn
- Kolej Universiti Islam Malaysia
- Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan
- Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

Mesyuarat ketiga PERPUN dipengerusikan oleh Puan Jamilah binti Mohamed, Ketua Pustakawan Universiti Utara Malaysia. Antara isu yang dibincangkan termasuk:

- Kedudukan Jawatan Ketua Pustakawan
- Keahlian bersekutu Perpustakaan IPTA dan IPTS
- Lngganan pangkalan data di bawah peruntukan Kementerian Pendidikan untuk IPTA/IPTS

■ Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP)

Perpustakaan Negara Malaysia adalah Pusat Penyelaras Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP). SPP dilancarkan pada 2 Jun 1988 sebagai lanjutan kepada perkhidmatan Pinjaman antara Perpustakaan. Pada tahun 2001, sebanyak 18 institusi/perpustakaan menyertai SPP. Jumlah ahli SPP hingga 31 Disember 2001 mencapai 402 institusi/perpustakaan. Keahlian ini terdiri daripada 145 (36%) Perpustakaan Jabatan Kerajaan, 102 (26%) perpustakaan institusi swasta, 65 (16%) Perpustakaan akademik, 59(15%) Perpustakaan badan berkanun dan 31 (7%) Perpustakaan pertubuhan bukan kerajaan.

Sepanjang tahun 2001, Pusat Penyelaras mengendalikan 1,003 permohonan SPP dari dalam dan luar negara. Daripada jumlah ini sebanyak 824 atau 82.1% dapat dipenuhi.

■ Nombor Buku Standard Antarabangsa (International Standard Book Number atau ISBN)

Sebagai Pusat Kebangsaan ISBN bagi negara ini, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 15,675 nombor ISBN kepada judul baru monograf terbitan dalam negara. Sejumlah 461 penerbit baru telah mendaftar sebagai penerbit dalam daftar penerbit ISBN.

■ Nombor Siri Standard Antarabangsa (International Standard Serial Number atau ISSN)

Sebagai Pusat Kebangsaan ISSN bagi negara ini, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengeluarkan

sebanyak 261 nombor ISSN kepada judul baru terbitan bersiri yang diterbitkan pada tahun 2001

PERINGKAT SERANTAU DAN ANTARABANGSA

■ Kerjasama UNESCO - Malaysia

◆ Kumpulan Pengguna CDS/ISIS di Malaysia

Pada tahun 2001, Bahagian Teknologi Perpustakaan dan Maklumat mengedarkan perisian CDS/ISIS kepada 27 buah institusi yang memohon. Seorang pegawai dari bahagian ini dihantar ke Bangkok untuk menghadiri satu bengkel di bawah anjuran UNESCO, iaitu *Workshop of WINISIS-AIT* pada 19-23 November 2001, Tujuan bengkel ini adalah untuk melatih para peserta menjadi tenaga pengajar bagi perisian WINISIS. Bengkel ini dihadiri oleh 15 pelatih dari 14 buah negara.

◆ Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Maklumat (ASEAN-COCI)

Wakil Perpustakaan Negara Malaysia Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat telah menghadiri Mesyuarat "Jawatankuasa Kecil Ketiga ASEAN-COCI mengenai Kebudayaan" di Pulau Pinang pada 25-27 September 2001 dan membentangkan 3 kertas projek, iaitu -

- Lawatan Sambil Belajar Perkhidmatan Perpustakaan Elektronik di Kanada oleh Pustakawan ASEAN
- Bengkel Latihan mengenai Pendigitalan Warisan Kebudayaan dan Intelektual ASEAN
- Pendigitalan Legenda ASEAN secara Animasi

Projek pertama dan kedua diluluskan di peringkat mesyuarat berkenaan, sementara projek ketiga perlu diperbaiki dan dipohon semula pada tahun 2002.

■ Rangkaian Serantau bagi Pertukaran Maklumat dan Pengalaman dalam Sains dan Teknologi (ASTINFO)

Mulai tahun 2001, urus setia Jawatankuasa Kecil Tetap Sains (JKKTS), Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dipindahkan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sepanjang tahun 2001, dua mesyuarat telah diadakan. Memandangkan terdapat ramai muka baru dalam JKKTS ini, maka pada 31 Julai 2001 satu Bengkel JKKTS/SKUM telah diadakan di City Bayview Hotel, Langkawi untuk menjalinkan Perhubungan antara pegawai JKKTS dengan SKUM serta menerangkan prosedur permohonan bantuan UNESCO.

Sebanyak 3 keluaran *ASTINFO Newsletter* diedarkan kepada institusi ahli.

Pada 12-14 Mac 2001 Mesyuarat Kumpulan Kerja UNESCO diadakan di Hanoi, Vietnam untuk membincangkan peranan ASTINFO, RINSEAP dan RINSCA. Mesyuarat bersetuju bahawa objektif baru ASTINFO dibentuk agar selaras dengan perkembangan semasa dari Program Maklumat untuk Semua (IFA) UNESCO.

Pejabat Serantau UNESCO/ASTINFO di Bangkok, Thailand dengan sokongan pembiayaan oleh *Japanese-Fund-In-Trust in the Field of Education and Science* telah memulakan projek membentuk pakej latihan mengenai ICT bagi kegunaan profesional Perpustakaan dan maklumat di negara membangun. Pakej ini akan diedarkan secara percuma apabila siap kelak.

■ Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara (CDNL)

Persidangan CDNL ke-28 diadakan pada 22 Ogos 2001 di Boston, USA semasa Persidangan IFLA ke-87.

Puan Zawiyah Baba telah dijemput untuk membentangkan resolusi bahawa Perpustakaan Negara di seluruh dunia perlu mengambil bahagian dalam kajian penandaarasan antara mereka. Perbincangan lanjutan mengenai resolusi telah diadakan semasa mesyuarat Jawatankuasa Tetap mengenai Perpustakaan.

Puan Zawiyah Baba dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa ini. Puan Zawiyah Baba juga membentangkan Laporan Negara daripada Perpustakaan Negara Malaysia dalam Persidangan ini. Antara isu yang dibentangkan termasuk:

- Projek Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA)
- Pensijilan MS ISO 9002
- Penyerahan Penerbitan Dalam Talian di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)*

■ Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara Asia dan Oceania (CDNLAO)

Persidangan CDNLAO ke-9 telah diadakan di Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura pada 22 April 2001. Empat belas negara ahli dari Asia dan Oceania menghadiri Persidangan ini. Malaysia diwakili oleh Cik Shahar Banun Jaafar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Antara isu yang dibincangkan dalam Persidangan adalah laporan negara, Persidangan IFLA 2001 di Boston dan CDNLAO 2002. Cik Shahar Banun Jaafar melaporkan perkara berikut dalam Persidangan:

- Meningkatkan Perpustakaan desa sebagai Pusat Siber Ilmu
- Meningkatkan Perpustakaan bergerak kepada Perpustakaan bergerak multimedia
- Sistem PERDANA
- Pensijilan MS ISO 9002 untuk Perpustakaan Negara Malaysia

■ Kongres Pustakawan Asia Tenggara (CONSAL)

Puan Zawiyah Baba mewakili Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia pada Mesyuarat Pertama Lembaga Eksekutif CONSAL XII yang diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 22 hingga 28 Mac 2001, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Perpustakaan Brunei selaku tuan rumah Persidangan CONSAL XII. Antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat pertama Lembaga Eksekutif CONSAL XII termasuk:

- Laman Web CONSAL
- Mengkaji semula projek CONSAL
- Projek baru CONSAL

Mesyuarat kedua Lembaga Eksekutif CONSAL XII diadakan di Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura pada 22 April 2001. Malaysia diwakili oleh:

- **Cik Shahar Banun Jaafar**
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
- **Puan Zawiyah Baba**
Timbalan Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
- **Puan Rashidah Begum**
Presiden
Persatuan Pustakawan Malaysia

Antara isu yang dibincangkan termasuk:

- Perkembangan hak cipta dalam rantau ini
- Pemuliharaan dan pemeliharaan bahan Perpustakaan
- Projek pendigitalan serantau

Tuan Syed Salim Agha, Ketua Pustakawan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dipilih sebagai calon Malaysia untuk Anugerah *CONSAL Outstanding Librarian Award* yang dianjurkan oleh urus setia CONSAL.

■ Persekutuan Persatuan dan Institusi Perpustakaan Antarabangsa (IFLA)

Persidangan IFLA ke-67 diadakan di Boston, Massachusetts, Amerika Syarikat dari 16 Ogos hingga 25 Ogos 2001. Tema Persidangan ini ialah *Libraries and Librarians: Making a Difference in the Knowledge Age*.

Perpustakaan Negara Malaysia diwakili oleh Pemangku Ketua Pengarah, Puan Zawiyah Baba. Semasa Persidangan IFLA, beliau membentangkan laporan negara dalam Persidangan Pengarah Perpustakaan Negara (CDNL) yang diadakan pada 22 Ogos 2001.

■ Persatuan Sekolah Kepustakawanan Antarabangsa (IASL)

Persidangan IASL 2001 yang ke-30 telah diadakan di Waipuna Hotel & Conference Center, Auckland, New Zealand dari 9 hingga 12 Julai 2001. Ini merupakan kali pertama Persidangan ini diadakan di New Zealand. Tema Persidangan ialah *Inspiring Connections: Learning, Libraries and Literacies*. Lebih daripada 400 peserta dari 21 buah negara telah menyertai Persidangan ini. Pada tahun 2002, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan ini. Penganjur Utama ialah Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia merupakan salah satu daripada penganjur bersama bagi persidangan ini. Tema Persidangan ialah *School Libraries for a Knowledge Society*.

■ Pusat Sumber Malaysia Di Luar Negara


Tiga buah Pusat Sumber Malaysia telah ditubuhkan di luar negara, iaitu di *University of Ohio*, Athens, U.S.A, di *Hoyal Institute of Linguistics and Anthropology (KITLV)*, Leiden, the Netherlands dan di *University of Victoria*, Wellington, New Zealand. Semua Pusat Sumber Malaysia ini diwujudkan untuk menyokong Kursi Pengajian Melayu dan Kursi Tun Abdul Razak yang ditubuhkan serta pengajian mengenai Melayu dan Malaysia yang ditawarkan di institusi tersebut. Pada tahun 2001, sebanyak 514 bahan diperoleh untuk *University of Ohio*, U.S.A. sebanyak 438 bahan diperoleh untuk Pusat Sumber Malaysia di KITLV, Leiden dan sebanyak 457 bahan diperoleh untuk Pusat Sumber Malaysia di *University of Victoria* Wellington, New Zealand.

PENERBITAN

■ Monograf

- Bibliografi MS ISO 9000
- Bibliografi Penulisan Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi
- Garis Panduan Perpustakaan Khusus
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia Tambahan Pertama 2001
- Shahar Banun Jaafar: Suatu Bibliografi dan Koleksi Karya Terpilih

Katalog Manuskrip Melayu



■ Terbitan Bersiri

- Artikel Majalah/Surat khabar Luar Negara mengenai Malaysia Bil. 1-6
- Jurnal Filologi Melayu. Jilid 9
- Laporan Tahunan Perpustakaan Negara Malaysia 2000
- MS ISO 9002 Jaminan Kualiti: Pengalaman Perpustakaan di Malaysia
- Perkhidmatan Halaman Kandungan Majalah Terkini. Bil. 1 - 5
- Pustaka: Buletin Perpustakaan Negara Malaysia. Bil. 1/2001 dan Bil. 2/2001
- Sari Pustaka Bil. 1/2001 dan Bil. 2/2001
- Sekitar Perpustakaan. Bil.32
- Warkah Manuskrip Melayu. Bil. 1/2001 dan Bil. 2/2001



■ Cakera Padat Multimedia Puteri

- Gunung Ledang Sebuah Cerita Animasi Lagenda Melayu Klasik Kanak-kanak



■ Penerbitan Dalam Talian

- Bibliografi YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad Dalam Talian

■ Laman Web

- Sirih Pinang: Warisan Budaya Melayu. [dalam talian]. Melalui: <http://www.pnm.my/sirihpinang/sirihpinang.htm> (1 Oktober 2002)
- Sejarah Malaysia. [dalam talian] Melalui: <http://www.pnm.my/sejarahmalaysia.pnm.my> (1 Oktober 2002)
- Warisan Budaya Malaysia. [dalam talian] Melalui: <http://www.pnm.my/malaysiana.pnm.my> (1 Oktober 2002)



<http://www.pnm.my/sirihpinang/sirihpinang.htm>



<http://www.pnm.my/sejarahmalaysia.pnm.my>



<http://www.pnm.my/malaysiana.pnm.my>

PENULISAN

KERTAS KERJA

Nafisah Ahmad

Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan. Kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Khusus Bersama Pembantu Perpustakaan, Kuala Lumpur, 19 April 2001.

Skim Pengkelasan Terbitan Kerajaan. Kertas kerja dibentangkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Perpustakaan Khusus Bersama Penolong Pegawai Perpustakaan, 21 Jun 2001.

Siti Mariani S.M. Omar, Datin

Hikayat Hang Tuah Tersenarai di UNESCO Memory of the World Register, Jurnal Filologi Melayu. (9): 97-99; 2001.

Warkah Raja-raja Melayu di Pusat Manuskrip Melayu. Kertas kerja dibentangkan dalam Bengkel Kajian Naskhah Kesultanan Melayu, Kuala Lumpur, 2-5 Julai 2001.

Preservation of Malay Manuscripts as a National Documentary Heritage: Issues and Recommendations. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan New Information Technologies Virtual Information: The Dawn of a New Era Brunei Darussalam, 23-26 Julai 2001.

Siti Zakiah Aman

Sistem PERDANA : infrastruktur penyebaran maklumat digital. Kertas kerja dibentangkan bersama Saonah Shairi di Seminar Literasi Maklumat : Cabaran Dalam Pembangunan Dan Penggunaan Maklumat, Kuala Lumpur, 6 Ogos 2001.

Dr. Haji Wan Ali Wan Mamat

Penulisan Autobiografi Melayu dan Sumbangan Abdullah Munsyi. Kertas kerja dibentangkan di Pesta Buku Antarabangsa, Kuala Lumpur, 25 Mei-3 Jun 2001.

Zawiyah Baba

Proposal for a regional transformation of libraries in Southeast Asia. Kertas kerja dibentangkan di E-tlas Conference 2001 on Emerging Trends in Library and Archival Services, Re-Inventing Centres of Organisational Excellence, Singapura, 23-24 April 2001.

A Regional Approach Towards Organisational Transformation. Taklimat kepada rombongan dari Persatuan Perpustakaan Filipina ke Perpustakaan Negara Malaysia pada 13 September 2001.

"PERDANA (The Malaysian National Digital Library), Implementation and Development. Kertas kerja dibentangkan di UNESCO Sub-Regional Workshop on Defining A Promotion And/OR Marketing Campaign for

UNAL in Asia Incorporating the Changes and Challenges Posed by Information And Communication Technologies, Melaka, 17-19 Oktober 2001.

Sharing National Treasures Through PERDANA: Kertas kerja dibentangkan di PPM/PSZ Conference on Knowledge Management in the Digital World, Johor Bahru, 22-24 Oktober 2001.

The National Digital Library Initiative in Malaysia - Development and Issues in Implementation, Kertas kerja dibentangkan di "4th International Conference of Asian Digital Libraries (ICADL2001); Bangalore, India, 10-12 Disember 2001.

DISERTASI

Shahrozat bte Ibrahim

Legal Deposit of Electronic Publication: Perpustakaan Negara Malaysia's Experience. Disertasi yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya, 2001,

ULASAN BUKU

Ahmad Maliki Mohamed

Hisbah dan Pentadbiran Negara. Sari Pustaka. (1); 6-7; 2001.

Aidatul Hasnida Abdul Rani

Perangkap Masa: Panduan Pengurusan Masa Berkesan. Sari Pustaka. (1); 19-20; 2001.

A. Azli Abd. Rahim

Etika Kewartawanan. San Pustaka. (1); 9-10; 2001.

Azeemunisa Abdul Majid Khan

Why Winners Win. Sari Pustaka (1) 11-12; 2001.

Baizura Bahasim

Wangian Bukit Peranginan. Sari Pustaka. (2): 27-29; 2001.

Chin Loy Jyoon

Malay Sketches. Sari Pustaka (1): 31-32, 2001,

Hashimah Haji Mohd. Yusoff

Panduan Pengguna. Edisi Kedua. Sari Pustaka. (1): 26-27; 2001.

Izlin Ahmad

Takkan Melayu Hilang di Dunia. Sari Pustaka. (2): 23-24; 2001.

Jaini Onggai

Komunikasi Berkesan: Hubungan Interpersonal, Sari Pustaka, (2); 8-9; 2001.

Jamilah Mohd. Sir

Teater Tradisional Melayu. Sari Pustaka. (2): 24-25; 2001

Lee Seok Chu

The T Factor: How to Win Friends & Influence People...Over The Phone. Sari Pustaka. (1): 32-33; 2001.

Mohd. Din Ahmad

Electronic Commerce: Management. Economic, Marketing & Technology- Sari Pustaka. (1): 25; 2001.

Mohd. Razalli Ahmad Termizi

The Life of Muhammad. Sari Pustaka. (1): 13-15; 2001.

Munazzah Zakaria

Sayuran Tradisional, Ulam dan Penyedap Rasa. Sari Pustaka. (1): 17-18; 2001.

Nafisah Ahmad

Azah Aziz: Kartika di Langit Seni. Sari Pustaka. (2): 4-5; 2001.

Narwani Mahmood

Komunikasi antara Manusia. Sari Pustaka. (2): 7-8; 2001.

Nasimah Hj. Badaruddin

Ahlul-Bait (keluarga) Rasulullah S.A.W. dan Raja-Raja Melayu. Sari Pustaka. (2): 3; 2001.

Noraini Noran Abdullah

Realiti dan Ilusi Kehidupan Maya dalam Era Siber. Sari Pustaka. (1): 29-31; 2001.

Noraida Hj. Daud

Politik Thai dan masyarakat Islam di Selatan Thailand. Sari Pustaka. (1): 5-6; 2001.

Norhasni Hassan

Teknik Mendidik dan Memahami Jiwa Anak. Sari Pustaka. (1): 19-20; 2001.

Norliza Mohd. Nordin

Mabrurkah Hajiku Ini? Ke Arah Ibadat Haji/Umrah yang Sempurna. Sari Pustaka. (1): 22-23; 2001.

Raslin Abu Bakar

The Way Forward. Sari Pustaka. (2): 29-30; 2001.

Ruslina Abd. Majid

Penilaian dan Stimulasi Kanak-kanak Normal. Sari Pustaka. (2): 17-18; 2001.

Rosmaini Salehuddin

Melayu Mudah Lupa. Sari Pustaka. (2): 10; 2001.

Roszaida Mohamed Said

Adibah Amin : Seroja Nan Tak Kunjung Layu. Sari Pustaka. (2): 2; 2001.

Salimah Abdul Rahman

Mengurus Sumber Manusia. Sari Pustaka. (2): 11-12; 2001.

Shahliza Adanan

Bukit Kepong. Sari Pustaka. (1): 16; 2001.

Siti Fatimah Wahab

Membina Generasi Berakhlak. Sari Pustaka. (1): ms. 2-3; 2001.

Siti Suzani Mohd. Taib

Pemartabatan Wanita di Malaysia. Sari Pustaka. (1): 27-29; 2001.

Zawiyah Baba

The legends of Langkawi. Sari Pustaka. (1): 23-24; 2001.

Other Thots Sari Pustaka. (2/): 13-15; 2001.

PERDANA PUTRA: Satu Penghayatan Kerja Senibina dan Hiasan Dalaman Pejabat Perdana Menteri Malaysia = Appreciation of Architecture and interior design of the Office of the Prime Minister of Malaysia: Sari Pustaka. (2): 19-21; 2001.

Zulkifli Ali

Meniti Lautan Gelora : Sebuah Memoir Politik. Sari Pustaka. (2): 12-13; 2001.

CERAMAH IKHTISAS

Siti Zakiah Aman

Pelaksanaan Penilaian Program Dalam Sektor Awam, Siri Ceramah Ikhtisas Perpustakaan Negara Malaysia pada 27 Julai 2001.

Zawiyah Baba

Pelan Strategik PNM 2001-2005, Siri Ceramah Ikhtisas Perpustakaan Negara Malaysia pada 10 Ogos 2001.



KEBAJIKAN DAN SUKAN

■ KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

◆ Kepimpinan Kelab PNM 2001

Pelantikan Ahli Jawatankuasa Eksekutif (AJE) diadakan setiap dua tahun sekali. Tahun 2001 merupakan tahun pelantikan AJE baru dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada 16 April 2001. Kepimpinan yang baru diterajui oleh barisan Ahli Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM bagi sesi 2001/2003 adalah seperti yang berikut:



Ahli Kelab Perpustakaan Negara Malaysia mengundi semasa Mesyuarat Agung Kelab

Yang DiPertua Kelab

Puan Norpishah Mohd. Noor

Naib Yang DiPertua Kelab

Tuan Hj. Rosham Hj. Abdul Shukor

Setiausaha Kehormat

Puan Jamilah Mohd. Sir

Pen. Setiausaha Kehormat

Puan Noor Aznah Zakaria

Bendahari Kehormat

Puan Norashikin Lee Abdullah

Ahli Jawatankuasa Eksekutif

Encik Raslin Abu Bakar
Encik Mohd. Razalli Ahmad Termizi
Encik Muhammad Musa
Puan Rosenah Abd Karim
Encik Zainal Abu
Encik Abdul Rani Abdul
Puan Nor Liza Othman

◆ Keahlian

Ahli Kelab Perpustakaan Negara Malaysia terdiri daripada anggota perkhidmatan awam Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Ahli Biasa, anggota perkhidmatan awam di bawah perkhidmatan gunasama Perpustakaan dan staf Syarikat pegawai keselamatan serta Syarikat penyelenggaraan bangunan boleh menjadi Ahli Bersekutu. Sementara bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan bekas

Yang DiPertua Kelab menjadi Ahli Kehormat Kelab. Sehingga akhir tahun 2001, Kelab PNM mempunyai seramai 284 Ahli Biasa, 18 Ahli Bersekutu dan 3 Ahli Kehormat.

◆ Aktiviti

Pada tahun 2001, berbagai-bagai aktiviti diadakan oleh Kelab PNM untuk dimanfaatkan oleh ahlinya. Pada 10 April 2001, Majlis Sambutan Ma'al Hijrah 1421H diadakan dengan menjemput Ustaz Muhyidin bin Hj, Aziz dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk memberikan ceramah bertajuk *Etika Kerja Dalam Islam*. Pada 29 Julai 2001, ahli Kelab PNM mengambil bahagian dalam Hari Keluarga Kementerian Pendidikan yang diadakan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Kepong, dengan membuka gerai oleh ahli Kelab PNM.



Persembahan oleh staf Perpustakaan Negara Malaysia dalam Majlis Sambutan Ma'al Hijrah 1422H.

Sepanjang bulan Ramadhan program penghayatan Ramadhan telah diadakan dengan mengadakan Majlis Berbuka Puasa dan Sembahyang Terawih pada 29 November 2001. Tadarus Al-Quran diadakan oleh ahli Kelab manakala Majlis Khatam diadakan pada 11 Disember 2001. Sebanyak 3 sesi ceramah Ramadhan diadakan pada 21 November 2001 bertajuk *Puasa Yang Berkualiti* oleh Ustaz Yusuf bin Mamat, 28 November 2001 ceramah *Kepentingan dan Kekuatan Qiamullail* oleh Ustaz Zakaria bin Abd. Rahman dan diikuti dengan ceramah *Adab Menyambut Aidilfitri* oleh Ustaz Abdullah bin Omar pada 5 Disember 2001

Ahli Kelab PNM melibatkan diri dengan aktif dalam Sukan Tiga Penjuru antara Jabatan yang Diadakan pada bulan Ogos 2001. Sukan Tiga Penjuru ini adalah di antara Jabatan Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium dan Antikuiti serta Perpustakaan Negara Malaysia. Ahli Kelab PNM juga aktif melibatkan diri dalam aktiviti sukan anjuran MAKSWIP, iaitu bagi acara bola tampar, ping pong, karom, congkak, dam, catur, bola sepak 9 sebelah dan memancing

Kursus Pengendalian Jenazah diadakan pada 13 Oktober 2001 untuk muslimah yang dikendalikan oleh Ustazah Sitaton Mohd. Osman (JAWI) dan untuk muslimin pada 27 Oktober 2001 oleh Ustaz Haji Shihabudin Alang Mat Piah (JAWI).



Pasukan Bola Tampar Kelab Perpustakaan Negara Malaysia sedang beraksi menghadapi cabaran daripada Pasukan Bola Tampar Jabatan Arkib Negara Malaysia.

◆ Penerbitan

Sebanyak 3 keluaran Berita Kelab dikeluarkan dalam satu tahun. Pada tahun 2001 sebanyak 3 keluaran Berita Kelab telah diterbitkan. Berita Kelab memberi ruang kepada ahli Kelab untuk berkarya dan meningkatkan daya kreativiti melalui sumbangan artikel dan penulisan kreatif.

Kelab PNM juga membina laman webnya yang dirangkaikan kepada laman web Perpustakaan Negara Malaysia. Maklumat berkaitan Kelab PNM dan aktivitiinya dapat diakses melalui laman web tersebut melalui <http://www.pnm.my>.

■ PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM (PUSPANITA)

Perpustakaan Negara Malaysia adalah ahli PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia. Mesyuarat Agung ke-18 diadakan pada 1 Mei 2001 di Bahagian Teknologi Pendidikan. Seramai 20 ahli PUSPANITA Jabatan termasuk Ketua Pengarah, Cik Shahar Banun Jaafar menghadirinya. Pelantikan Jawatankuasa Induk bagi sesi 2001/2003 telah diadakan dalam mesyuarat ini. Y.Bhg. Datin Siti Mariani S.M.Omar dicalonkan dan dipilih sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa Induk.

Jumlah ahli PUSPANITA Jabatan adalah seramai 37 orang. Mereka bergerak aktif menyertai pelbagai aktiviti yang telah diatur. PUSPANITA Jabatan menghantar pasukan cangkak untuk menyertai Perlawanan Persahabatan *Indoor Games* antara PUSPANITA Kementerian Belia dan Sukan dengan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia yang diadakan pada 18 Mei 2001. Ahli PUSPANITA Jabatan menyertai Pertandingan Permainan Tradisional *Indoor Games* dalam acara karom dan cangkak yang diadakan pada 29 September 2001. Ahli-ahli juga menghadiri ceramah agama dan kesihatan. Majlis khas Lambaian Kasih Tautan Hati diadakan pada 7 September 2001 di Hotel Legend sempena persaraan Y.Bhg. Puan Sri Zarina Fazle Hussein. Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kementerian Pendidikan Malaysia, Y.Bhg. Datin Seri Maimon Zahidin, Puan Hamidah Baba dan Puan Rohani Shaari, ahli PUSPANITA Jabatan turut hadir memeriahkan majlis tersebut.



Perpustakaan Negara Malaysia

232 Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur

Malaysia


Tel : 03-2687 1710

Faks : 03-2692 7082

E-mel : pnmweb@www1.pnm.my



ISSN 0128-3170



9 770128 317067